قليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

DARIPADA Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda maksudnya : "Barangsiapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambungkan kekeluargaan (silaturahim)". (Hadis riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.43 | SUBUH 4.53 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.15 | ASAR 3.21 | MAGHRIB 6.18 | ISYAK 7.27
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 113 | 19 SEPTEMBER 2022 / 1444 صفر 22 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# BERANGKAT KE LONDON, UNITED KINGDOM



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat Pemakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II, yang akan berlangsung pada 19 September 2022. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (*Lihat muka 3*).**

# Majlis Khatam Al-Quran untuk raja berjiwa rakyat, pemedulian, dikasihi

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**MANGGIS / MADANG**, Ahad, 18 September. - Sebagai wadah wacana kasih dan sayang ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mantan Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975 - 1978 tidak ketinggalan bagi sama-sama mengungkayahkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan baginda Yang Ke-76, Tahun 2022.

Majlis penuh rahmat dan barakah itu berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Berakas di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Penaung Bersama Majlis dan merupakan Mantan Penuntut PTE Jalan Muara 1975 - 1978.

Juga hadir sama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; dan Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, yang merupakan Penaung Bersama Majlis dan Mantan Penuntut PTE Jalan Muara.

**>> Muka 5**

# 'Menjelang Rabiulawal' serikan Malam Munajat

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 18 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tetap meneruskan pelbagai usaha kerohanian dalam menangani dan membendung wabak COVID-19 di negara ini dengan meneruskan Malam Munajat yang diadakan secara maya setiap Sabtu malam Ahad.

Dalam pada itu, Malam Munajat anjuran KHEU terus mendapat sambutan yang memberangsangkan serta sokongan padu dan kerjasama erat daripada kementerian-kementerian dan jawatankuasa-jawatankuasa serta persatuan-persatuan di negara ini.

Malam Munajat pada kali ke-53 telah diungkayahkan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, serta jemaah dari 92 buah masjid, termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penaung Bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud, dari Masjid Kampung Tanah Jambu.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Pelambayan, Awang Haji Md. Ali Taufiq bin Haji Abd. Rahman, bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pelambayan dari Masjid Kampung Pelambayan.

**>> Muka 4**

# 281 kes disahkan sembuh

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 18 September. - Sebanyak 281 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 223,078.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

**>> Muka 4**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# Berita Utama



PUPUK kesedaran kepentingan penghayatan Ahli Sunnah Waljamaah **Muka 7**



SEMAI minat membaca dalam kalangan masyarakat **Muka 10**




PERNIAGAAN *Quiche* dapat sambutan menggalakkan **Muka 20**

## STATUS COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Maklumat setakat 18 SEPTEMBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.3% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.3% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 84.8% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 281 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 223,078 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

PELITA BRUNEI

# Atlet perlu miliki disiplin, semangat kesukanan jitu



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad semasa berucap pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN Kali Ke-20, Malaysia, pada Isnin, 15 Safar 1444 / 12 September 2022, bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

***Bismillahir Rahmanir Rahim.***

***Assalamualaikum Warahmatullahi WaTa'ala Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.**

**ALHAMDULILLAH** bersyukur kita ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di majlis pada hari ini, iaitu Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia (SUKMA) MSN Kali Ke-20 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

Terlebih dahulu, izinkan peramba / saya bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah perkenan baginda bagi Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) MSN Kali Ke-20 dari 16 hingga 24 September 2022.

Tidak lupa dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas undangan bagi Negara Brunei Darussalam untuk menyertai temasya ini. Alhamdulillah, tahun ini menandakan penyertaan negara kali yang ke-12.

Dalam kesempatan awal ini, setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada atlet-atlet yang telah berjaya dipilih untuk mewakili negara ke Sukan Malaysia (SUKMA) ini. Sebagai atlet yang terpilih, matlamat *biskita* di Malaysia nanti adalah untuk bersaing dengan sepenuh hati. Penyertaan kita di SUKMA pada kali ini bukanlah sekadar *exposure* semata-mata, tetapi penyertaan kita adalah untuk berjuang dengan semangat kompetitif yang tinggi, dengan keinginan kuat untuk berjaya. Dan yang paling penting, sebagai platform untuk menyertai temasya sukan di peringkat tinggi di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, para atlet harus percaya dan yakin *biskita* mampu melakukannya kerana *biskita*lah adalah dalam kalangan atlet yang terpilih dan berpotensi tinggi.

Pada masa yang sama, kita perlu mengingati semangat kompetitif tidak mempunyai makna tanpa profesionalisme dan disiplin. *Biskita* perlu memiliki disiplin yang tinggi dan semangat kesukanan yang jitu, demi untuk menjaga nama baik dan imej Negara Brunei Darussalam dalam meraih kemenangan yang diharapkan. Ini amatlah memerlukan kekuatan mental dan fizikal, serta kemampuan untuk menahan tekanan dari luar dan dalam diri.

Oleh itu, kibarkanlah bendera Negara Brunei Darussalam dengan semangat dan kebanggaan yang menyerlah semasa di Malaysia nanti.

Tunjukkanlah *biskita* adalah yang terbaik dari segi kemahiran, etika dan profesionalisme. Sentiasalah patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, terutamanya dalam *anti-doping* dan jangan sama sekali melakukan perkara yang boleh menjejaskan imej negara.

Apa yang paling penting, nilai-nilai KeBruneian dan tatasusila kita yang unik dan indah mestilah dihayati, dipraktikkan dan dibanggakan setiap masa.

Sebelum mengakhiri, sekali lagi tahniah diucapkan kepada para atlet. Ingatlah, bahawa pemergian *biskita* ke SUKMA adalah untuk mencapai yang terbaik dan mengharumkan nama negara. Peramba / saya berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan inayah dan kekuatan kepada *biskita*. Selamat berjuang dan kami menanti kejayaan *biskita*. InsyaaAllah.

Sekian. *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**PADA masa yang sama, kita perlu mengingati semangat kompetitif tidak mempunyai makna tanpa profesionalisme dan disiplin. *Biskita* perlu memiliki disiplin yang tinggi dan semangat kesukanan yang jitu, demi untuk menjaga nama baik dan imej Negara Brunei Darussalam dalam meraih kemenangan yang diharapkan. Ini amatlah memerlukan kekuatan mental dan fizikal, serta kemampuan untuk menahan tekanan dari luar dan dalam diri.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | ISNIN | 22 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.33 | 12.15 | 3.21 | 6.18 | 7.27 |
| 20 | SELASA | 23 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.15 | 3.21 | 6.18 | 7.27 |
| 21 | RABU | 24 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.15 | 3.21 | 6.17 | 7.26 |
| 22 | KHAMIS | 25 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.14 | 3.21 | 6.17 | 7.26 |
| 23 | JUMAAT | 26 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.32 | 12.14 | 3.21 | 6.16 | 7.25 |
| 24 | SABTU | 27 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.14 | 3.22 | 6.16 | 7.25 |
| 25 | AHAD | 28 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.31 | 12.13 | 3.22 | 6.15 | 7.24 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 24 °C | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| Kuala Belait | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 19 SEPTEMBER 2022

### Tingkat Pengetahuan Berkaitan Penyakit Demensia

**DEMENSIA** adalah terminologi menyeluruh yang digunakan untuk menggambarkan pelbagai gejala penurunan kognitif yang mana Penyakit Alzheimer adalah bentuk yang paling lumrah yang menyebabkan masalah kehilangan daya ingatan dan kemerosotan keupayaan untuk berfikir.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kes Demensia yang baharu dikenal pasti dalam kalangan warga emas berlaku setiap tiga saat di seluruh dunia dan dianggarkan seramai 55 juta orang di seluruh dunia hidup dengan demensia.

Berdasarkan anggaran tersebut dan peningkatan kadar jumlah populasi warga emas di setiap negara, ia dijangka akan meningkat kepada 78 juta orang pada tahun 2030 dan 139 juta orang pada tahun 2050.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Bulan Alzheimer's Sedunia baru-baru ini.

Penyakit demensia ini juga merupakan punca utama kematian ketujuh di seluruh dunia. Sementara di Negara Brunei Darussalam (NBD) berdasarkan Kajian Lancet Publication Analysis of Global Burden of Disease Study 2019 menganggarkan terdapat sebanyak 1,574 kes di NBD dan ini dijangka akan meningkat sebanyak 365 peratus kepada 7,317 menjelang 2050.

Perlu diketahui juga bahawa terdapat berbagai-bagai jenis demensia, namun penyakit Alzheimer adalah jenis yang paling lazim dan menyumbangkan kepada 60 hingga 70 peratus kes-kes demensia.

Selain itu, penyakit demensia ini bukanlah merupakan akibat proses penuaan yang normal, ia adalah penyakit yang menjejaskan ingatan, pemikiran, tingkah laku dan emosi individu tersebut.

Pelbagai gejala penyakit demensia termasuk hilang ingatan serta pemikiran, kesukaran mencari perkataan yang betul atau memahami apa yang dikatakan, kesukaran melaksanakan tugas rutin harian, atau perubahan personaliti dan perasaan.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pengetahuan terhadap tanda-tanda awal demensia, masyarakat kita perlulah bersedia dan mengetahui serta membawa ahli keluarga yang terlibat melakukan diagnosis ke Pusat-pusat Kesihatan bagi mengetahui tahap demensia yang dihadapi. Di samping itu, sokongan kuat daripada keluarga juga sangat penting agar seseorang yang menghidap penyakit demensia ini sentiasa aktif melakukan pelbagai aktiviti fizikal, aktiviti merangsang kesihatan mental dan juga mempertingkatkan interaksi sosial bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.

Dalam menangani isu demensia Kementerian Kesihatan telah menyediakan dan akan sentiasa meneliti keperluan sistem kesihatan dan prasarana yang mudah diakses bagi semua individu. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di seluruh negara; dan NGO, seperti Demensia Brunei untuk meningkatkan kesedaran tentang demensia dan melaksanakan intervensi dan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan demensia.

Oleh itu, setiap ahli keluarga yang berdepan dengan pesakit demensia hendaklah banyak bersabar dan sentiasa memberikan sokongan kepada pesakit dan apa yang paling penting adalah untuk memberikan perhatian dan sentiasa berinteraksi agar mereka tidak berasa bersendirian. Berikanlah mereka kasih sayang dan sokongan agar dapat mengurangkan gejala penyakit tersebut.

**- Ketua Penyuntingan (Rd)**

# Berangkat ke London, United Kingdom



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan, di Istana Nurul Iman.

**Oleh : Nooratini Haji Abas, Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berangkat ke London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat Pemakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II, yang akan berlangsung pada 19 September 2022.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Berangkat sama dan hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.







BERANGKAT di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, juga berangkat sama dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (kanan sekali dan atas), sementara gambar kanan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, di Istana Nurul Iman.

# 'MENJELANG RABIULAWAL' SERIKAN MALAM MUNAJAT

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**>> Muka 1**

Seterusnya Doa Munajat dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Pengiran Abd. Razak bin Pengiran Haji Metahir, dari Surau Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba.

Acara diserikan lagi dengan tazkirah, bertajuk 'Menjelang Rabiulawal', disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Ahmad Muzaffar bin Haji Marsidi, bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ash-Shaliheen dari Masjid Ash-Shaliheen.

Setelah itu, bacaan Selawat Ibrahimiyyah dipimpin oleh Kumpulan Belia Masjid Kampung Perpindahan Mata-mata Gadong bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-mata Gadong.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu dari Masjid Kampung Tanah Jambu.

Menyertai acara Malam Munajat berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama ikut serta acara mingguan Malam Munajat semata-mata mendekatkan diri dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beristighfar, berzikir serta merafakkan doa secara serentak beramai-ramai dengan niat agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan COVID-19.

Orang ramai bolehlah menyertai Malam Munajat dari mana juga berada dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau mengikuti secara langsung melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah *@pdi_kheu.*



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyertai Malam Munajat kali ke-53, yang diungkayahkan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, serta jemaah dari 92 buah masjid, termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.**

# 281 kes disahkan sembuh

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud**
**Infografik : Kementerian Kesihatan**

**>> Muka 1**

Sementara itu, tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Pada hari ini juga, satu kes kematian turut dilaporkan.

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 84.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.3 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.3 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.






# MRSB RAIKAN PESERTA KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi






YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta Penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar; dan para peserta pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022, anjuran MRSB, Kampung Sungai Akar (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 18 September. - Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar hari ini meraikan para peserta Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022.

Hadir memeriahkan acara berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; serta Penaung Bersama MRSB, iaitu Yang Dimuliakan Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong; dan Yang Dimuliakan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Adapun penyertaan majlis berkenaan bagi para jemaah dan penduduk Kampung Sungai Akar dan kawasan sekitarnya dalam menzahirkan kecintaan buat raja yang kita cintai dan sudah menjadi kelaziman aktiviti tahunan bagi MRSB.

Majlis berkebajikan berkenaan antara lain bertujuan untuk mengimarahkan MRSB seterusnya menjalinkan kerjasama dan hubungan silaturahim di antara para penduduk sekitar dan para jemaah serta Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB.

Selain itu, ia juga diadakan untuk mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan bersyukur atas kurnia rahmat-Nya dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan limpahan keamanan dan kesejahteraan.

Di samping itu, majlis berkenaan juga mendukung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan rakyatnya celik Al-Quran sekali gus menggalakkan para penduduk Kampung Sungai Akar dan kawasan sekitarnya mendampingi kitab Allah itu dengan membaca 30 juzuk ayat suci Al-Quran di bawah pemantauan guru-guru yang berkemahiran.

# Majlis Khatam Al-Quran untuk raja berjiwa rakyat, pemedulian, dikasihi

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Hampir 150 jemputan, terdiri daripada mantan Pengetua-pengetua dan Tenaga-tenaga Pengajar PTE serta mantan Penuntut-penuntut lelaki dan Perempuan PTE Jalan Muara 1975-1978 menghadiri majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Kemudian disusuli gema bacaan Qasidah Kalamun Qadim dan Doa sebelum Membaca Al-Quran beramai-ramai, dipimpin bersama oleh Haji Awang Zainal Arifin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Sirat; dan Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar.

Sejurus itu, diikuti dengan bacaan surah-surah akhir, diketuai oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Safar, yang juga memimpin bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran.

Selepas itu, bacaan Tahlil dan Doa Tahlil oleh Awang Haji Yakob bin Haji Yusof.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban (Asraqal), dikepalai oleh Awang Haji Awang Zainal Arifin.

Bacaan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai sebanyak tiga kali dan Sayyidul Istighfar sebanyak sekali, diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Nuzli bin Haji Jumat, yang juga memimpin bacaan Doa Kesyukuran Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Memohon Perlindungan Allah agar Rakyat dan Penduduk Negara Brunei terhindar daripada jangkitan wabak COVID-19 bagi mengakhiri acara tersebut.

Program tahunan itu adalah sebagai cetusan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja yang berjiwa rakyat, pemedulian serta dikasihi oleh sekalian rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Selaku rakyat, khususnya mantan Penuntut-penuntut PTE merafakkan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta seluruh kerabat baginda berada dalam keadaan sihat wal'afiat serta sentiasa dikurniakan rahmat, taufik, inayah dan hidayah Allah jua, kekal karar memerintah turun-temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Bersama Majlis dan Mantan Penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975 - 1978 bersama para jemputan menyertai Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-76, Tahun 2022, yang diungkayahkan oleh Mantan Penuntut-penuntut PTE Jalan Muara 1975 - 1978 (atas dan bawah).



# Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Sebanyak 229 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat menjadi 222,797.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi pula setakat hari ini, sebanyak 84.7 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.2 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Manakala sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.2 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# PENCAPAIAN 187 KAKITANGAN BSJV DIRAIKAN






YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ketika menyampaikan anugerah kepada salah seorang kakitangan yang lama berkhidmat di Syarikat-syarikat Usahasama Brunei Shell (BSJV) (kiri), sementara gambar atas, Yang Berhormat pada sesi bergambar ramai bersama para kakitangan yang diraikan.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**GADONG**, Sabtu, 17 September. - Seramai 187 kakitangan yang lama berkhidmat di Syarikat-syarikat Usahasama Brunei Shell (BSJV) diraikan atas pencapaian peribadi dan profesional mereka, pada majlis yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Tenaga di JPM, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Tenaga di JPM, Mohammad Nizam bin Haji Ismi; serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSJV dan ahli-ahli pasukan kepimpinan dari Syarikat-syarikat BSJV masing-masing.

Pengerusi Negara Syarikat-syarikat Shell di Brunei dan Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum, Agnete Johnsgaard-Lewis dalam ucapannya berkata, para Kakitangan di BSJV adalah aset syarikat yang paling berharga.

"Saya amat bangga dengan profesional-profesional yang pelbagai dan berkemahiran tinggi yang kita ada pada hari ini dan selama bertahun-tahun, yang menunjukkan ketajaman komersial, kemahiran teknikal dan rasa bangga dalam melaksanakan kerja berkualiti bagi kebaikan masa hadapan Syarikat-syarikat BSJV," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa bangga atas daya tahan rakan-rakan sekerja dan rakan-rakan kongsi perniagaan dalam BSJV, terutama dalam menangani cabaran semasa penularan wabak COVID-19.

Menurutnya, kebanyakan para kakitangan adalah antara barisan hadapan tenaga yang terpaksa berjauhan dari keluarga dalam masa yang panjang.

Pada majlis tersebut wakil para penerima, Haji Jasmein bin Haji Mohd. Said, 52 tahun, turut mengongsikan perjalanan dan pengalaman beliau selama 30 tahun berkhidmat dan bagaimana beliau menyaksikan perkembangan syarikat BSJV bermula sebagai Juruteknik Operator, pada tahun 1991.

Kerja keras dan dedikasi beliau memberikan satu perjalanan karier yang hebat dalam Produksi dan Operasi, di mana beliau kini merupakan Ketua Operasi Keselamatan di bawah Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) bagi Brunei LNG.

Jelasnya, cabaran akan sentiasa ada, tetapi apa yang penting adalah bagaimana kita mengendalikan cabaran berkenaan.

"Nasihat saya kepada semua rakan sekerja agar tidak terlalu berasa terbeban dengan cabaran-cabaran tersebut, tetapi lebih fokus pada bagaimana cara kita menyelesaikannya," ujar Haji Jasmein semasa berucap.

Seterusnya, beliau menyeru kakitangan BJSV untuk terus memberikan nilai kerja yang amanah berdasarkan pada permintaan negara, dalam mengadaptasi nilai-nilai etika, kebijaksanaan, kejujuran dan integriti.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Anugerah kepada para kakitangan yang diraikan, iaitu seramai 27 orang berkhidmat selama 40 tahun; 26 orang berkhidmat selama 35 tahun; manakala 100 orang berkhidmat selama 30 tahun; dan seramai 34 orang berkhidmat selama 25 tahun.




# PUPUK KESEDARAN KEPENTINGAN PENGHAYATAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin menyeru para belia untuk terus komited berpegang teguh terhadap ajaran Islam, menjaga jati diri, berakhlak mulia berwawasan tinggi dan berfikiran terbuka serta sentiasa positif dalam mengharungi liku-liku kehidupan yang kian mencabar.

Merasmikan Bengkel Intensif Belia Syumul Harapan Negara, Awang Haji Zakaria seterusnya berkata, para belia adalah komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara selaku *stakeholder* yang dinamik untuk *survival* bangsa dan negara.

"Kita baru sahaja menyambut Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 pada 9 Ogos 2022 dengan tema Belia Siaga Masa Depan.

"Tema ini adalah sangat relevan dan selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat belia Brunei sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran masa depan khususnya dalam konteks Revolusi Industri Keempat dan perkembangan ekonomi digital dalam norma baharu yang banyak menghamparkan peluang dan perubahan," jelasnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), hari ini.

Awang Haji Zakaria juga berucap bahawa objektif seminar ini adalah sebagai wadah untuk membekalkan belia dengan kefahaman ugama Islam, keilmuan Islam, di samping menambahkan keimanan, ketakwaan menerusi aktiviti ilmiah yang dikendalikan di dalamnya dan juga akhlak yang mulia.

Menurutnya, objektif seminar itu adalah bertepatan dan selaras dalam konteks Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan Wawasan Belia, iaitu 'Belia yang Berakhlak Mulia, Bertaraf Dunia dan Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif' dan secara langsung merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Awang Haji Zakaria seterusnya menekankan, belia yang siaga masa depan adalah belia yang mempunyai kualiti luaran dan dalaman serta berani mendepani perubahan.

Dalam hal ini, tambahnya, golongan belia juga dituntut untuk mempunyai akhlak yang mulia dan sentiasa mengamalkan cara kehidupan mengikut calak kebruneian kita dalam sama-sama mengukuhkan budaya perpaduan yang amat dituntut seperti taat setia kepada raja, negara dan ugama.

"Saya sangat yakin seminar dan bengkel yang diadakan ini nanti akan dapat memperkasa kefahaman berugama dalam kalangan belia di samping mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dari segi mental dan fizikal dengan bersukan atau beriadah serta pengambilan makanan sihat sesuai dengan ajaran Islam," katanya lagi.

Bengkel Intensif Belia Syumul Harapan Negara yang dikendalikan secara bersiri oleh KUPU SB akan bermula pada Oktober 2022 sehingga Februari 2023 nanti.

Dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan' , antara tajuk bengkel yang akan diketengahkan ialah Pengukuhan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah, Belia pencinta Al-Quran dan Hadis, Kepimpinan belia Melayu Islam Beraja dan Belia Pemerkasa Jawi dan Kitab Turath.

Adapun objektif bengkel antaranya adalah untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan penghayatan Ahli Sunnah Waljamaah dan mengamalkan ajarannya dalam kalangan para belia.

Selain itu, bengkel diharap dapat mendidik para peserta supaya sentiasa istiqamah dalam memahami dan mengamalkan menghayati konsep ajaran aliran kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam kehidupan seharian.

Selain itu, ia juga mewujudkan wadah / sarana yang relevan dan terancang menjurus kepada pembangunan diri belia yang holistik.

Para peserta bengkel termasuk belia-belia Da'ie, Belia-belia Masjid, Sukarelawan Belia, Pelatih, Pusat Pembangunan Belia, KKBS, Alumni Program Khidmat Bakti Negara serta mahasiswa dan mahasiswi Institusi pengajian tinggi.



**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ketika berucap.**

Bengkel turut dibukakan kepada orang awam yang berminat dan bagi maklumat lanjut atau pertanyaan bolehlah menghubungi Pegawai Penyelidik Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, KUPU SB, Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa, menerusi talian +673 8628213.

# Kerohanian belia syumul perlu dibentuk, dibina







**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), KKBS dan antara yang hadir mendengarkan pembentangan daripada Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Awang Haji Mohd Azmi bin Haji Omar (kiri, bawah, atas kiri dan atas kanan).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar menjelaskan bahawa untuk menjadi belia yang beriman, bertakwa dan syumul, maka mereka perlu sentiasa merujuk kepada Al-Quran dan Sunah termasuk mengenali Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan mempelajari sirah dan keperibadian serta sunnah Baginda.

Semasa membentangkan Kertas Perdana bertajuk 'Membangun belia Syumul berasaskan Sunnah' pada Majlis Perasmian Bengkel Intensif Belia Syumul Harapan Negara, bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB di sini, beliau seterusnya menyatakan bahawa untuk sentiasa mengamalkan ajaran sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan melazimkan selawat serta salam kepada Baginda dan ahli keluarga.

Dr. Haji Adanan juga menambah, dalam membentuk belia syumul adalah dengan membina kerohanian, termasuk melazimkan diri dalam wuduk, memantapkan bacaan Surah Al-Fatihah, melazimkan sembahyang berjemaah di masjid, duduk di saf hadapan, memahami wirid dan doa, mengamalkan zikir amalan sunnah siang dan malam, sembahyang sunat, doa dengan adab dan khusyuk serta mengamalkan rutin membaca Al-Quran.

Selain itu, katanya, sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga termasuk sentiasa dalam keadaan diri yang bersih, kemas dalam berpakaian dan memakai wangian.

Selain itu, Dr. Haji Adanan turut menjelaskan bahawa untuk menjadi belia yang syumul juga bermaksud menjadi belia yang sihat dan cergas.

Menurutnya, mengamalkan beberapa sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam pemakanan, termasuk memakan madu, Habbatus Sauda, minyak zaitun, susu, kurma, halia dan buah delima yang turut dikaji sangat berkhasiat pada kesihatan secara umum.

Sementara Profesor Madya Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, KUPU SB, Dr. Muhammad Yusuf bin Khalid dalam pembentangan kertas utama berkaitan cabaran belia syumul menjelaskan, bahawa pada era sekarang yang penuh dengan cabaran, belia perlu bersiap siaga dengan mengukuhkan pemikiran dan jati diri mereka agar sentiasa kuat dalam menghadapi isu dan cabaran.

Perkembangan belia perlu holistik termasuk perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial di mana semua aspek di atas boleh dipenuhi dengan ilmu-ilmu pengetahuan yang perlu dipelajari dan diamalkan seperti ilmu sukan dan aktiviti bagi keperluan jasmani, ilmu tasawuf bagi keperluan rohani, psikologi bagi keperluan emosi dan kemahiran bermasyarakat bagi keperluan sosial.

Justeru, tegasnya, adalah mustahak bagi setiap belia untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk membentuk keperibadian mereka menjadi keperibadian yang holistik sesuai dengan ajaran Islam dan nilai-nilai Melayu Islam Beraja serta menjadi cemerlang dalam lima perkembangan yang disebut sebelum ini.

Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf seterusnya menekankan bahawa belia perlu sentiasa memastikan kekuatan dan kesucian jiwa mereka, iaitu dengan sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana musuh utama yang kuat untuk dihadapi adalah diri sendiri, iaitu nafsu al-Ammarah.

"Maka, belia perlu sentiasa memelihara diri mereka dari kebinasaan disebabkan oleh nafsu diri sendiri dengan mengamalkan penyucian jiwa, iaitu 'Tazkiyatun Nafs' agar mendapat reda Allah Subhanahu Wata'ala dan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

"Mendekatkan diri kepada Allah Subhabahu Wata'ala iaitu dengan menjauhkan diri daripada nafsu diri sendiri, iaitu tidak berlebihan dalam melayan keinginan yang kurang berfaedah dan bersederhana dalam menjalankan kehidupan," tegasnya lagi.



# FESTIVAL ERATKAN PERPADUAN PENDUDUK MUKIM, KAMPUNG

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Sabtu, 17 September. - Festival Kebudayaan Etnik Daerah Tutong anjuran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong buat julung kalinya mengadakan projek bersepadu sebagai jentera penting untuk membawa Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Ahli-ahli MPK serta anak buah kampung untuk terus aktif dan mengungkayahkan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan kebudayaan secara berkumpulan.

Festival berkenaan berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Menurut Pengerusi Majlis, Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Awang Suhili bin Alas, MPM dan MPK menitikberatkan hal-hal kebajikan kepada pertubuhan badan-badan amal di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, beliau juga menjelaskan mengenai objektif festival diadakan ialah bekerjasama untuk memeriahkan acara dan aktiviti bersama, khususnya bahagian Institusi Mukim dan Kampung Pejabat Daerah Tutong.

Konsep festival yang bertemakan 'Kebudayaan Menyatupadukan Masyarakat' ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dengan memperkenalkan kepada masyarakat mengenai keunikan kebudayaan etnik atau rumpun jati Brunei.

Di samping itu, ia juga diharap akan dapat meningkatkan semangat setia kawan dan kesefahaman melalui interaksi budaya dan seni dalam memperluaskan jaringan pelbagai hala dalam konteks kesenian melayu.

Pada festival berkenaan beberapa persembahan tarian kebudayaan dipersembahkan, iaitu Persembahan Tujuh Etnik dan persembahan-persembahan dari kampung-kampung di daerah ini.



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong hadir pada Festival Kebudayaan Etnik Daerah Tutong anjuran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong. Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Awang Suhili bin Alas selaku Pengerusi Majlis.





**ANTARA** persembahan tarian kebudayaan yang dipersembahkan pada Festival Kebudayaan Etnik Daerah Tutong berkenaan (kiri dan atas).

# Forum Khas Belia tampilkan pelbagai aspek perbincangan




**BENGKEL** Intensif Belia Syumul Harapan Negara, yang diadakan di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diteruskan dengan Forum Khas Belia Syumul Harapan Negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Majlis Perasmian Bengkel Intensif Belia Syumul Harapan Negara, yang diadakan di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), hari ini, diteruskan dengan Forum Khas Belia Syumul Harapan Negara dengan menampilkan tiga ahli panel jemputan.

Semasa dalam forum tersebut, Profesor Madya Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Razimi menjelaskan bahawa prinsip asas dan utama bagi seorang belia ialah mempunyai akidah yang jelas berdasarkan Ahli Sunnah Waljamaah bermazhabkan Imam Shafi'e dan Tasawuf yang diiktiraf oleh Negara Brunei Darussalam.

Menurut Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril lagi, belia pada khususnya perlu mempunyai sifat tabayun terutamanya dalam menerima ilmu dari sumber-sumber yang benar khususnya dari media sosial agar pemikiran tidak dicemari oleh anasir-anasir yang bercanggahan dengan akidah dan nilai Melayu Islam Beraja.

Membahaskan mengenai falsafah Melayu Islam Beraja, Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril seterusnya menjelaskan bahawa zaman sekarang melahirkan satu generasi yang perlu disiapkan dengan agenda-agenda tertentu, termasuk memperkukuhkan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala sebagai prasyarat pertama.

Tambahnya, prasyarat kedua ialah untuk sentiasa memberi sumbangan atau manfaat kepada orang sekeliling dengan memperkasakan ilmu pengetahuan, di samping memantapkan kemahiran insaniah.

Pendekatan baharu untuk belia, jelasnya, agar dapat membantu negara ke tahap yang dibanggakan ialah melalui program intervensi sosial dari belia ke belia.

Masalah yang timbul dalam kalangan belia boleh ditangani oleh belia sendiri untuk mencari penyelesaian terhadap isu dan permasalahan yang dihadapi, tanpa perlu menunggu tindakan daripada pihak kerajaan untuk menyelesaikan.

Seterusnya, beliau menekankan, aspek sosial perlu diperkasakan melalui penglibatan aktif belia dalam khidmat masyarakat sama ada dalam institusi pendidikan, masjid-masjid mahupun dalam peringkat kebangsaan.

Sementara Awang Hilman bin Haji Salim yang merupakan mahasiswa Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Waljamaah) dan juga Pengasas Bersama Al-Minhaaj Centre menjelaskan, bahawa belia bukan sahaja perlu mempunyai ilmu tetapi juga perlu sentiasa progresif, kreatif dan dinamik sebagai usaha untuk pembangunan negara.

Menurutnya, fasa belia merupakan fasa kehidupan yang paling panjang, iaitu fasa pemuda yang mempunyai kekuatan pemikiran dan fizikal.

Belia kreatif bermaksud yang memiliki sikap positif terhadap apa saja kemungkinan dan sentiasa bersedia menghadapi halangan serta mencari penyelesaian.

Beliau seterusnya menegaskan, belia mesti berusaha mencari kebolehan diri sendiri kerana Allah menganugerahkan manusia dengan banyak potensi yang perlu dicungkil.

Selain itu, keperluan memanfaatkan waktu belia untuk melahirkan produk-produk yang boleh memberi manfaat kepada orang sekeliling.

Membincangkan mengenai Wawasan Brunei 2035, belia merupakan generasi yang akan merasakan hasil dari usaha-usaha yang diperjuangkan sebelumnya. Mengambil contoh, pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam juga dikeliling oleh para pemuda belia seperi Abu Bakar As-Siddiq dan Sayyidina Omar.

Justeru, tambahnya, kunci kejayaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah dukungan golongan belia yang membantu Baginda dalam menyebarkan ajaran Islam.

Sehubungan itu, dengan mengikut jejak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengangkat belia untuk dibimbing dan memimpin, belia bertugas untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan bimbingan guru-guru berpengalaman.

Manakala Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan yang juga penerima Anugerah Pemimpin Muda Belia 2020, selaku panel ketiga menerangkan, bahawa untuk berjaya dalam kehidupan, maka belia harus mempersiapkan diri dengan membetulkan niat dalam segala perkara yang dilakukan dan pentingnya Whole of Nation Approach yang memerlukan semua pihak, terutamanya para belia untuk bersatu padu dalam sama-sama memajukan negara.

Moderator forum ialah Penolong Pensyarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

# DAYANG ATIRAH JUARA FOTO MARATON SEJARAH BRUNEI 2021

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Dayang Atirah binti Haji Timbang muncul juara dalam Peraduan Foto Maraton Sejarah Brunei bagi Tahun 2021 dengan tajuk foto, 'The Frame'.

Manakala berada dikedudukan kedua, dimenangi oleh Awang Muhammad Ilham bin Roslee dengan tajuk foto, 'Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS)' dan tempat ketiga pula disandang oleh Dayang Masreni binti Amzah dengan tajuk foto, 'Wasai Apan'.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah Foto Maraton Sejarah Brunei bagi Tahun 2021 kepada para pemenang peraduan tersebut diadakan hari ini yang berlangsung di Pusat Sejarah Brunei (PSB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Sebanyak 17 foto diterima daripada lima peserta yang menyertai peraduan ini. Tiga hadiah penghormatan dan dua hadiah saguhati dianugerahkan kepada peserta peraduan yang menang.

Setiap peserta menunjukan potensi dan kreativiti mereka tersendiri. Peserta juga berusaha menghasilkan foto yang berkualiti dengan menitikberatkan nilai sejarah yang terdapat pada foto bersesuaian dengan konsep peraduan iaitu foto pegun.

Penggunaan komposis foto yang pelbagai dan menarik dengan memfokuskan kepada objek atau unsur-unsur sejarah yang mempunyai nilai sejarah tersendiri dan sesuai diketengahkan untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan ristaan generasi masa kini dan akan datang.

Peraduan ini dibukakan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berumur 13 tahun ke atas bermula 17 Disember 2021 dan berakhir pada 28 Febuari 2022.

Peraduan ini dibukakan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' (peserta yang berumur 13 hingga 19 tahun) dan Kategori 'B' (peserta yang berumur 20 tahun ke atas).

Foto Maraton Sejarah Brunei bagi Tahun 2021 merupakan salah satu projek yang diusahakan oleh PSB melalui Bahagian Reprografer dan Penggambaran untuk mendekatkan sejarah dengan masyarakat.

Dengan bertemakan 'Bruneiku Warisanku', Peraduan Foto Maraton Sejarah Brunei bagi Tahun 2021 kali ini memfokuskan kepada foto pegun yang berasakan infrastruktur yang menyumbang kepada pembangunan negara, termasuklah bangunan, monumen, jalan, kemudahan dan sebagainya yang terdapat di seluruh daerah.

Antara objektif peraduan ini diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada peminat-peminat fotografi terutama golongan belia, khususnya para pelajar untuk mengenali lebih dekat tentang sejarah tanah air sendiri dan juga menambah koleksi foto sebagai bahan rujukan PSB.





**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB) semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang (atas), sementara gambar bawah kiri, Pengetua PSB melihat lebih dekat dan mendengar penerangan mengenai foto yang dipertandingkan.**

# Hairul Bakri juara Best 914 Ke-17

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**PEMANGKU Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Peringkat Akhir Best 914 Ke-17 bagi Tahun 2022, Hairul Bakri.**

**SALAMBIGAR**, Sabtu, 17 September. - Hairul Bakri diumumkan sebagai juara Pertandingan Peringkat Akhir Best 914 Ke-17 bagi Tahun 2022 yang mengambil tempat di OneCity Shopping Complex, Jalan Utama Salambigar.

Juara memperoleh jumlah markah 81.2 peratus yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai BND1,000 berserta trofi, sijil, satu baucar penginapan Family Suite, dua baucar penginapan Bedroom Apartment sumbangan Wafa Hotel and Apartment dan tajaan rakaman lagu serta pembikinan muzik video.

Naib juara disandang oleh Izzul Amin Ibrahim dengan jumlah markah 77.8 peratus membawa pulang wang tunai BND800 berserta trofi, sijil, satu baucar penginapan Family Suite, satu baucar penginapan Bedroom Apartment sumbangan Wafa Hotel and Apartment.

Sementara itu tempat ketiga ialah Shair Adli dengan jumlah markah 73 peratus membawa pulang wang tunai BND600 berserta trofi, sijil, tiga baucar penginapan Superior / Deluxe Room sumbangan Wafa Hotel and Apartment manakala pemenang-pemenang sagu hati menerima hadiah BND300 serta sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan RTB serta orang ramai.

Pada pertandingan tersebut, Fikki pula diumumkan mendapat gelaran 'Star Best 914' dengan menerima jumlah *like* terbanyak menerusi laman sosial Instagram rasmi *@pfm.best914.*

Gambar-gambar finalis telah dimuat naik sejak 25 Julai 2021 untuk memberi peluang kepada pendengar dan orang ramai mengundi finalis pilihan mereka dan undian ditutup pada 17 September 2022.

Rancangan anjuran RTB melalui Pelangi FM itu disertai seramai 10 peserta yang telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Best 914, iaitu Balqiss, Farah Haslan, Farah Sani, Fikki, Firah Ardhi, Hairul Bakri, Hazwan Mohamad, Izzul Amin Ibrahim, Rafy dan Shair Adli.

Turut membuat persembahan semasa rancangan tersebut ialah artis-artis tempatan iaitu Zirah Jamal, Guardian of Rhythm, Habib Adanan, Isyraf Yusri dan Azzniel Yunus.

Best 914 mula diperkenalkan pada tahun 2002 di mana pertandingan ini adalah susulan menerusi segmen nyanyian iaitu Vokal Pelangi yang disiarkan setiap hari Rabu, jam 4.00 petang.

Juara bulanan menerusi segmen ini kemudiannya bersaing semula di pentas Best 914 sebagai finalis.

Beberapa orang bintang juga telah berjaya dilahirkan menerusi program Best 914 antaranya Dayat, Rapul Rezal, Neff Aslee, Adeb Titanz, Emel, Ecah, Yaniey Junaini dan ramai lagi.

Siaran langsung Best 914 Ke-17 juga bersiaran melalui rangkaian Radio Pelangi FM dan RTBGo.



**PEMANGKU Pengarah RTB, Awang Haji Azman hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Peringkat Akhir Best 914 tersebut.**

# SEMAI MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN MASYARAKAT

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Sabtu, 17 September. - Karnival Memperkasa Budaya Membaca merupakan salah satu aktiviti tahunan dalam usaha menyemai minat membaca dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Karnival berkenaan dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan.

Tujuan karnival tersebut diadakan adalah untuk memupuk budaya membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat secara tidak formal melalui pelbagai medium yang boleh dilaksanakan di Perpustakaan DBP di seluruh negara.

Sehubungan itu, karnival tersebut pada hari ini diisikan dengan Ceramah Motivasi Menghadapi Peperiksaan, yang diadakan di Perpustakaan DBP, Daerah Tutong bagi mempertingkatkan motivasi diri kepada murid-murid dan penuntut-penuntut dalam mempertingkatkan lagi pencapaian prestasi pelajar.

Ceramah disampaikan oleh tiga penceramah, iaitu Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Kaunselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor; Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Dr. Haji Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk dan Pemangku Ketua Bahagian Orang Kurang Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayang Irnawati binti Haji Mahir.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan guru-guru besar.



**ANTARA yang hadir pada Karnival Memperkasa Budaya Membaca anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan.**






**ANTARA aktiviti yang diadakan pada Karnival Memperkasa Budaya Membaca berkenaan (atas dan kanan).**

# Sokong inisiatif kesihatan mental




**PRESIDEN Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD), Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yussoff bin Pengiran Haji Bahar menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta Kursus Pertolongan Cemas Psikologi tersebut.**

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BUNUT**, Sabtu, 17 September. - Pertolongan Cemas Psikologi (Psychological First Aid - PFA) merupakan salah satu cara yang penting dalam menyampaikan intervensi psikologi kepada mereka yang menjalani atau mengalami peristiwa traumatik.

Justeru Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD) menerusi Akademi Kebangsaannya diberikan tugas dan tanggungjawab yang penting oleh Kementerian Kesihatan dalam menyokong inisiatifnya, dalam menggalakkan kesihatan mental serta pada masa yang sama untuk menyediakan pertolongan cemas psikologi dan sokongan psikososial sebagai pendekatan seluruh negara.

Menggalakkan kesedaran dan menghapuskan stigma mengenai isu kesihatan mental akan membantu masyarakat memahami dengan lebih baik betapa pentingnya pertolongan cemas psikologi untuk mencegah penyakit mental.

Sehubungan itu, PBSM NBD dengan kerjasama Akademi Palang Merah Singapura buat julung kalinya memperkenalkan Kursus Pertolongan Cemas Psikologi yang komprehensif, dihadiri oleh seramai 19 orang, terdiri daripada Ahli-ahli PBSM NBD, pembantu pertama (*first aider*), wakil daripada rakan korporat PBSM NBD, dan pegawai kesihatan dari Kementerian Kesihatan, yang dijalankan selama lima hari.

Dengan adanya kursus berkenaan membolehkan kesemua peserta menjadi pembantu pertama psikologi bertauliah.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta kursus, pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat PBSM NBD, Jalan Haji Halus, Kampung Bunut, Presiden PBSM NBD, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yussoff bin Pengiran Haji Bahar.

PBSM NBD selaku pengerusi bersama Jawatankuasa Rangka Kerja Kebangsaan Pelbagai Sektor Kesihatan Mental akan menubuhkan Pusat Sumber Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial di NBD, di mana ia akan dilengkapi dengan pra-penilaian klinikal mengenai pertolongan cemas kesihatan mental dan pada masa yang sama, untuk memberi kesedaran serta menjadi salah satu pusat sumber berasaskan komuniti yang boleh dipercayai.

Terdapat empat bidang utama yang akan dilaksanakan oleh PBSM NBD, iaitu Isu Buli di Sekolah; Keganasan Rumah Tangga terhadap Wanita dan Kanak-kanak; Isu Kesihatan Mental Warga Emas dan yang berkaitan dengan Demensia; serta Pencegahan Bunuh Diri dalam kalangan remaja dan golongan muda yang berisiko.

PBSM NBD dan Palang Merah Singapura akan secara aktif menyediakan perkhidmatan latihan yang lebih profesional dalam sokongan psikososial, pertolongan cemas psikologi dan pertolongan cemas kesihatan mental untuk melengkapkan *first aider* yang sedia ada dengan pengetahuan dan pengalaman yang betul.

Ini kerana pengalaman traumatik semasa terjadinya mala petaka, wabak jangkitan atau peperangan boleh menyebabkan tekanan emosi (stres) yang sangat membahayakan sekiranya tiada intervensi awal dan berkesan yang disediakan oleh penjaga terlatih.

Pandemik Coronavirus (COVID-19) juga menyebabkan tahap ketakutan yang ketara apabila pihak berkuasa mengenakan kuarantin dan *lockdown* untuk membendung jangkitan.

Malahan, ada negara-negara di seluruh dunia turut menghentikan beberapa operasi sosial dan ekonomi, bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Perasaan panik, tidak berdaya dan ketakutan yang merupakan kesan dari jangkitan kerana kekurangan penawar mendedahkan orang ramai pada tekanan mental yang ketara, sekali gus memerlukan campur tangan daripada Ahli Psikologi.

Justeru peranan seorang PFA adalah sangat penting dalam memastikan pemulihan psikologi bagi sesiapa pun yang terjejas, di mana mereka ini adalah sekumpulan profesional yang berkemahiran dalam mengehadkan kesusahan (*distress*) dan tingkah laku *maladaptive* yang boleh memberi kesan negatif pada pemulihan seseorang individu tersebut dari pengalaman traumatik.

Sejak pengenalan konseptualnya yang pertama pada pertengahan abad ke-20, PFA menjadi sangat penting dalam menjadi alat psikologi kepada mangsa yang terselamat dari bencana alam dan krisis yang dahsyat.

Pihak-pihak berkepentingan (*key players*), seperti Pusat Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial, Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) mengenal pasti pelbagai model dan rangka kerja PFA, seperti mengadaptasi keadaan dunia pada masa kini, taklimat, pertolongan cemas bagi stres dan psikologi, berasaskan komuniti yang mementingkan campur tangan segera psikologi.

## سرواه سوچي

# منجاك صلة الرحم

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن سبنر-بنر تقوى ياٴيت دڠن منيڠكتكن كاٴيمانن كڤداڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاٴيڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، برأوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة النساء آية ١:

تفسيرڽ:

**واهي مأنسي! برتقوى له كڤد توهن كامو يڠ تله منجيڤتاكن كامو درڤد ديري يڠ ساتو (آدم عَلَيْهِ ٱلسَّلَامُ)، دي (الله) منجيڤتاكن درڤد ڤاسڠنڽ (هاوا)، دي (الله) مڠمبڠ بياقكن درڤد كدوا-دواڽ (ذرية كتورونن) لاكي٢ دان ڤرمڤوان يڠ رامي. دان برتقوى له كڤد الله يڠ دڠن نامڽ كامو ساليڠ ممينتا سرت (ڤليهاراله) هوبوڠن صلة الرحم (قوم قرابة). سسڠݢوهڽ الله اداله مها مڠاٴواسي (ممرهاتي) كامو.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

كسمڤورنأن دان كمانتڤن إيمان سسئورڠ ايت ددوكوڠ اوله بابق ڤكتور، بوكن ستاكت برإيمان دڠن روكون إيمان يڠ أنم بهكن هوبوڠن سسام إنسان جوك منجادي كايو ڤڠوكورڽ. جوسترو، أكام كيت مڠأنجوركن أومتڽ انتوق سنتياس منجاك هوبوڠن صلة الرحم. درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

مقصودڽ:

**بارڠسياڤ برإيمان كڤد الله دان هاري أخيرة، هندقله إي ممولياكن تتاموڽ، دان بارڠسياڤ برإيمان كڤد الله دان هاري أخيرة، هندقله إي ميمبوڠ تالي صلة الرحم، دان بارڠسياڤ برإيمان كڤد الله دان هاري أخيرة، هندقله إي بركات بايك اتو ديام. {حديث رواية إمام بخاري}**

صلة الرحم اياله جالينن اتوڤون إيكاتن ڤرهوبوڠن يڠ دبينا سچارا برسام-سام انتارا سسام كلوارڬ، قوم قرابة، راكن، جيران تتڠݢا دان سأومڤماڽ.

ادڤون مڠاٴيرتكن صلة الرحم ايت اياله بربوات بايك كڤد سسام مأنسي، ممبري ڤرتولوڠن جك مريك ممرلوكن، برسيكڤ لمه لمبوت، نصيحة-منصيحتي دان منجاك ڤراسأن مريك. دالم حال اين، مڠاٴيرتكن هوبوڠن صلة الرحم ايت اداله ڤرلو دأوتامكن كڤد قوم قرابة اتوڤون يڠ اد هوبوڠن ككلواركأن.

ڤرلو داٴيڠة، بهوا مڠاٴيرتكن هوبوڠن صلة الرحم سسام سودارا ايت حكومڽ اداله واجب. منكالا مموتوسكن هوبوڠن صلة الرحم ڤول حكومڽ اداله حرام. رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا مڽاتكن بهوا مموتوسكن صلة الرحم ايت اداله انتارا سبب كناڤ دسݢراكن عذاب سسئورڠ ايت ددنيا سبلوم تيباڽ هاري أخيرة. دالم سبواه حديث يڠ درواياتكن اوله إمام ترمذي، درڤد أبو بَكْرَة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا برمقصود:

**تيدق اد سوات دوسا يڠ لبيه لايق دڤرچڤت حكومنڽ ددنيا اوله الله كڤد ڤلاكوڽ دسمڤيڠ (عذاب) يڠ دسيمڤن باݢيڽ دأخيرة درڤد ڤربواتن ظالم دان مموتوس صلة الرحم.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

أكام كيت مڠأنجوركن أومتڽ انتوق سنتياس منجاك هوبوڠن صلة الرحم، كران عقيبة مموتوسكن صلة الرحم ايت أمة بسر ريسيكوڽ بوكن ستاكت ددنيا سهاج بهكن جوك دأخيرة كلق. دالم سبواه حديث يڠ درواياتكن اوله إمام بخاري، درڤد جُبَير بن مُطْعِم رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ بهوا رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

مقصودڽ:

**تيدق ماسوق شرݢ اورڠ يڠ مموتوسكن صلة الرحم.**

ڤد كلازيمنڽ، ترڤوتوسڽ هوبوڠن صلة الرحم ايت برڤونچا دري ڤرتڠكرن اتوڤون ڤرسليسيهن يڠ دسببكن اوله ساله ڤهم، هرتا بندا، هوتڠ ڤيوتڠ، هاسوتن، ڤتنه دان سأومڤماڽ.

حتى ڤركلاهين انتارا سسام أنق اتو جيران تتڠݢا ڤون بوله ميببكن ترڤوتوسڽ إيكاتن صلة الرحم، دمان كدوا-دوا ڤيهق ساليڠ ساله-مپالهكن انتارا ساتو سام لاين، لبيه٢ لاݢي جك كدوا-دواڽ تيدق ممڤوڽاٴي كصبران دان تيدق برسيكڤ تربوك سرت تيدق ماهو مڠاله انتوق مموهون معاڤ سهيڠݢ اد يڠ سڠݢوڤ ملاكوكن ڤربواتن شريك انتوق مپاكيتي اورڠ دبنچين.

ڤرموسوهن دان ڤرݢيسيران سڤرت اين بوله برلاكو سچارا برڤنجاڠن جك تيدق اد كسدرن دالم ديري كدوا-دوا ڤيهق اتو تيدق اد اورڠ لاين يڠ ماهو ملرايكن اتو منداميكن كدوا ڤيهق يڠ برموسوهن اين.

ڤرلو داٴيڠة، بهوا تڠݢوڠجواب انتوق ممبينا سمولا صلة الرحم يڠ ترڤوتوس، بوكن سهاج ترلتق كڤد دوا ڤيهق يڠ برموسوهن. تتاڤي سانق سودارا اتو كاون٢ يڠ مڠتهوي تنتڠ ڤركارا اين جوك بوله ممainكن ڤرانن يڠ ڤنتيڠ سلاكو اورڠ تڠه دالم منداميكن دان ميمبوڠ سمولا صلة الرحم يڠ ترڤوتوس.

اوله يڠ دمكين، تاڠنيله مسئله كلوارݢ دڠن ڤراسأن راسيونل دان إيرتكنله سمولا ڤرهوبوڠن يڠ سوده رتق ايت دڠن راس كسدرن دان كاٴينصاڤن، أڤاته لاݢي رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا ميبوتكن بهوا اورڠ٢ يڠ تيدق ماهو بردامي ايت اكن دتڠݢوهكن كأمڤونن اوله الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. **درڤد أبو هريرة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: دبوكا ڤينتو٢ شرݢ ايت ڤد هاري إثنين دان خميس. ستيڤ اورڠ يڠ تيدق ميكوتوكن الله دڠن سسوات اڤ ڤون اكن دأمڤوني، كچوالي سسئورڠ يڠ سدڠ دالم ڤرموسوهن دڠن سوداراڽ. لالو دكاتكن: "تڠݢوهكنله كدوا-دواڽ سمڤي مريك ماهو بردامي. تڠݢوهكنله كدوا-دواڽ سمڤي مريك بردامي. تڠݢوهكنله كدوا-دواڽ سمڤي مريك بردامي." {حديث رواية إمام مسلم}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

اداله منجادي كواجبن كيت انتوق منجاك هوبوڠن صلة الرحم دڠن سبايك-بايكڽ. جاڠنله دسببكن مسئله كچيل دان ريميه-تيميه، هوبوڠن صلة الرحم ايت منجادي رڠݢڠ اتو رتق.

دالم منجاك هوبوڠن صلة الرحم، اد بيراڤ چارا يڠ بوله كيت لاكوكن انتاراڽ سڤرت سريڠ ممبري دان منجواب سلام اتو برتݢور ساڤ، مڠحاضيري أوندڠن اتو جمڤوتن، مڠهولوركن بنتوان دان ڤرتولوڠن سام اد دڠن تناݢ اتوڤون واڠ ريڠݢيت، كونجوڠ-مڠونجوڠي انتارا ساتو سام لاين، منزيارهي كتيك اورڠ ساكيت دان مڠحاضيري ڤڠبومين جنازه دان سأومڤماڽ.

ڤد ماس كيني، ڤڠݢونأن مديا بهارو سڤرت مديا مسا دان مديا سوسيال اداله ساڠة دݢماري دان منجادي كموداهن انتوق برهوبوڠ دان بركومونيكاسي. ڤڠݢونأن كموداهن٢ ترسبوت بوليهله دمنڤعتكن اوله كيت سموا دڠن سبايك-بايكڽ ترأوتام دالم مڠاٴيرتكن هوبوڠن صلة الرحم. دڠن يڠ دمكين، هوبوڠن يڠ جاوه بوله منجادي دكت دان يڠ رڠݢڠ منجادي راڤت.

رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا مپاتكن بهوا انتارا حكمه دسباليق مڠهوبوڠكن صلة الرحم ايت اداله دمورهكن رزقي دان دڤنجڠكن عمور. درڤد أنس بن مالك رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا:

مقصودڽ:

**بارڠ سياڤ يڠ سوك دمورهكن رزقيڽ دان دڤنجڠكن أوسياڽ مك هندقله دي ميمبوڠكن ككلواركأن (صلة الرحم). {حديث رواية إمام بخاري}**

أخيرڽ، ماريله كيت برسام-سام برأوسها دالم منجاك دان مڠاٴيرتكن لاݢي هوبوڠن صلة الرحم. جك برلاكو ڤرسليسيهن، مك سباٴيكڽ كيت برأوسهاله انتوق منچاري جالن ڤيلساين دان جالن ڤردامين كران سموا اورڠ مؤمن ايت اداله برسودارا. سام٢له كيت بردعاء سموݢ هوبوڠن صلة الرحم كيت اكن سنتياس ترجالين سرت ترڤليهارا، دان كيت سموا منداڤة ريضا الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ددنيا دان دأخيرة. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسيرڽ:

**سسڠݢوهڽ اورڠ٢ يڠ برإيمان ايت برسودارا مك داميكنله انتارا دوا سودارا كامو (يڠ برتليڠكه) ايت دان برتقوى له كڤد الله سوڤاي كامو برأوليه رحمة. {سورة الحجرات آية : ١٠}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# WAAG BRUNEI DARUSSALAM RASMIKAN SAUTUR RABITAH



RABITAH Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam (WAAG Brunei Darussalam) mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-3 bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dihadiri oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Naib Ra'es I, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Ra'es II, Profesor Madya Dr. Siti Sara bin Haji Ahmad; Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam; serta Ahli-ahli Eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah lainnya.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**GADONG**, Ahad, 19 September. - Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam (WAAG Brunei Darussalam) yang ditubuhkan pada tahun 1440 Hijrah bersamaan 2018 Masihi mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-3 bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dalam ucapannya menyeru agar para Syabab negara untuk berlumba-lumba membuat kebaikan berdasarkan daripada yang disebutkan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 148:

"Dan setiap umat mempunyai kiblat yang dia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam kebaikan. Di mana sahaja kamu berada, pasti Allah akan mengumpulkan kamu semuanya. Sesungguhnya, Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu".

Beliau seterusnya menambah, Islam menitikberatkan dalam melakukan kebaikan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud sebaik-baik manusia adalah yang memberi manfaat kepada orang lain.

Dalam pada itu, beliau berharap agar para belia berlumba-lumba dalam memberi khidmat kepada masyarakat dan memberikan pelbagai bentuk sumbangan bagi sama-sama meraih pahala dan manfaat daripadanya.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Mesyuarat Agung Ke-3, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin dalam ucapannya memetik satu kalam daripada maulana Dr. Ali Jum'ah (mantan mufti Mesir) tentang erti khidmat secara keseluruhan ialah memberikan waktu, ilmu, harta dan yang seumpamanya untuk memberi manfaat kepada manusia kerana sebaik-sebaik manusia di sisi Allah adalah yang memberi manfaat.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan pelancaran Sautur Rabitah yang disempurnakan oleh Ra'es Jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam.

Turut sama hadir pada mesyuarat berkenaan, Naib Ra'es I, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Ra'es II, Profesor Madya Dr. Siti Sara bin Haji Ahmad; Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif WAAG Brunei Darussalam; serta Ahli-ahli Eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah lainnya.

Selain pembubaran dan pemilihan serta pelantikan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Rabitah 1444 - 1445H, penelitian dan pengesahan minit mesyuarat lepas, iaitu Minit Mesyuarat Agung Kali Ke-2 merupakan antara agenda dalam mesyuarat berkenaan.

Seterusnya Setiausaha Agung dan Bendahari Agung masing-masing membentangkan laporan aktiviti dan program Rabitah serta laporan penyata kewangan sepanjang tempoh setahun, diikuti dengan perbincangan mengenai pelbagai soalan berbangkit.

Mesyuarat kali ketiga kali ini menampilkan sedikit kelainan dengan menyaksikan pelancaran Sautur Rabitah.

Sautur Rabitah merupakan sebuah platform atau induk maklumat yang merekod dan merakam pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan.

Dalam erti kata lain, Sautur Rabitah akan menjadi rujukan dan rekod bagi Rabitah Alumni Al-Azhar Al-Sharif Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.

Pada masa yang sama, Sautur Rabitah berperanan untuk menterjemah objektif penubuhan Rabitah dalam menyampai dan menyebar nasihat kepada masyarakat.

WAAG Brunei Darussalam sebagai platform penghubung dan penyalur maklumat yang tepat tentang isu semasa yang berkaitan dengan ajaran Islam.

Di samping itu, ia berfungsi untuk menyatupadukan alumni Al-Azhar Al-Syarif dan seterusnya menyumbang bakti ke arah kemajuan negara dan pembangunan ummah.

Ini bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir dan menegakkan prinsip Melayu Islam Beraja.

Persatuan berkenaan turut bergiat aktif dalam mengusahakan pelbagai projek dan aktiviti berkebajikan khususnya bagi membantu para ahlinya yang memerlukan dan menghulur sumbangan kepada masyarakat yang secara umum.

Ini diterjemahkan dalam pelbagai program tahunan seperti Khairat Azhari dan program berkala seperti sumbangan bantuan pembelajaran kepada sekolah-sekolah.

Selain itu, persatuan juga turut membincangkan pelbagai persoalan mengenai ilmu agama melalui program berbentuk wacana ilmu seperti kalam Azhari dan juga aktiviti riadah, iaitu Futsal Ukhuwah pada Julai lalu.

Oleh yang demikian, WAAG Brunei Darussalam diharap akan dapat mencapai kemajuan ummah, di samping mempertahankan hak kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya dari segi keagamaan, profesionalisme, intelek, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sukan.

- **ISLAM menitikberatkan dalam melakukan kebaikan sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud sebaik-baik manusia adalah yang memberi manfaat kepada orang lain.**

- **PARA belia diharap berlumba-lumba dalam memberi khidmat kepada masyarakat dan memberikan pelbagai bentuk sumbangan bagi sama-sama meraih pahala dan manfaat daripadanya.**



# EDUCATIONUSA : PELUANG KEMBANGLUASKAN PENDIDIKAN, KERJAYA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**GADONG**, Sabtu, 17 September. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di negara ini menjadi tuan rumah tahunan dengan menganjurkan Sesi Interaktif EducationUSA bagi Kaunselor Pendidikan Tinggi buat kali kelima, yang dihadiri lebih daripada 40 kaunselor pendidikan tinggi.

Sesi yang mengambil tempat di Hotel Antarabangsa Rizqun itu, turut dihadiri dalam kalangan kaunselor pendidikan, guru-guru dan wakil dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, badan-badan pemberi biasiswa serta agensi pendidikan swasta.

Pembentangan diadakan untuk memberikan maklumat terkini mengenai trend pendidikan tinggi di AS dan membantu kaunselor sekolah untuk membimbing pelajar yang ingin belajar di AS dengan berkesan.

Dalam ucapan alu-aluan, Pegawai Perhubungan Awam Kedutaan AS, Jeffrey Barrus mengingatkan para guru dan kaunselor tentang kepentingan tugas mereka, dalam membimbing pelajar membuat pilihan yang tepat untuk kerjaya mereka.

"Apabila pelajar Brunei memilih pendidikan di AS, mereka tidak hanya dapat mengembangluaskan pendidikan dan kerjaya mereka, malah dapat juga mengembangkan rangkaian peribadi serta profesional mereka bersama Rakyat AS dan warga global lain yang memilih AS," katanya.

Kedutaan AS juga menyediakan maklumat tentang peluang pembangunan profesional untuk kaunselor kerjaya serta penasihat pendidikan tinggi melalui Kajian di Institut A.S (SUSI) untuk Akademik dan Guru Menengah serta program pertukaran yang dibiayai oleh kerajaan AS.

Sesi juga termasuk perbincangan bersama salah seorang SUSI Scholar, Dayang Norlela Puasa, yang juga merupakan Ketua Jabatan Pra-Universiti dan Kerjaya, di Pusat Tingkatan Enam Belait.

Acara juga memuatkan beberapa siri interaktif dan perkongsian maklumat serta pengalaman daripada alumni pertukaran semester UGRAD Global, Dayang Shasha Nurqamarina dan Aaelex Selavisi, serta para graduan universiti AS, baru-baru ini, Dayang Aisyah Zulkarnain dan Melissa Lim.

EducationUSA merupakan rangkaian Department of State AS, yang mempunyai lebih 430 pusat nasihat pelajar antarabangsa, di lebih 175 negara dan wilayah.

Rangkaian ini mempromosikan pendidikan tinggi AS kepada pelajar di seluruh dunia dengan menawarkan maklumat yang tepat, komprehensif dan terkini mengenai peluang belajar di institusi pasca menengah bertauliah, AS.



**SESI Interaktif EducationUSA bagi Kaunselor Pendidikan Tinggi buat kali kelima, dihadiri oleh lebih daripada 40 kaunselor pendidikan tinggi. Turut hadir Pegawai Perhubungan Awam Kedutaan AS, Jeffrey Barrus (kiri dan atas).**



# Jabatan Mufti Kerajaan terbitkan 2 buku baharu




**DUA buah buku baharu, iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2021 dan Irsyad Hukum 2021, terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini boleh didapati di kedai buku JMK.**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Sebanyak dua buah buku baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini boleh didapati di kedai buku JMK. Buku-buku tersebut ialah Fatwa Mufti Kerajaan 2021 dan Irsyad Hukum 2021.

Pelbagai persoalan hukum yang menyentuh mengenai kehidupan harian yang dihadapi oleh umat Islam dihuraikan di dalam buku-buku tersebut.

Tujuannya ialah agar kehidupan umat Islam akan sentiasa terpimpin dan terpandu di atas landasan yang betul dan diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Fatwa Mufti Kerajaan 2021 memuatkan sebanyak 22 siri fatwa yang telah difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebagai jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang dihadapkan oleh pelbagai pihak daripada orang ramai, institusi dan orang perseorangan.

Antara perkara yang disentuh di dalam buku ini ialah tentang bolehkah Sembahyang Ghaib ke atas jenazah pesakit COVID-19?, Kedudukan hukum suntikan vaksin COVID-19 ketika berpuasa dan memakai sungkup muka (*face mask*) semasa ihram dan lain-lain persoalan menarik yang difatwakan untuk rujukan dan panduan kehidupan.

Sementara Buku Irsyad Hukum 2021 pula, menghidangkan kepada pembaca pelbagai isu dan perkara yang berkaitan dengan akidah, ibadat, muamalat, *ahwal syakhsiyyah,* haiwan, faraid, perundangan, *siyasah syar'iyyah,* akhlak, doa, wirid dan zikir.

Isu atau perkara-perkara yang diketengahkan itu dihasratkan untuk dapat membimbing masyarakat Islam lebih memahami hukum-hakam Islam dalam melaksanakan aktiviti kehidupan harian mereka dengan sempurna.

Kedua-dua buku ini diharapkan akan terus dapat memberikan manfaat dan menyumbang ke arah peningkatan ilmu para pembaca tentang hukum-hakam Islam.

# Bersama memeduli kesejahteraan penduduk kampung

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 18 September. - Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan II Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri mengadakan aktiviti kemasyarakatan sebagai salah satu peranan MPK dalam memajukan dan menjaga kesejahteraan di kampung berkenaan.

Aktiviti amal yang dilaksanakan oleh para Ahli MPK, diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan II, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohd. Nizam bin Abdullah itu ialah untuk memotong dan membersihkan dahan pokok yang menghalang lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya, di Kawasan Simpang 41.

Awang Haji Nizam melahirkan penghargaan atas kerjasama para Ahli MPK dan penduduk kawasan berkenaan, dalam sama-sama memeduli kepentingan dan keselamatan penduduk serta pengguna jalan raya di sana.

"Aktiviti kemasyarakatan ini perlu dilaratkan ke kawasan lain yang menjadi tumpuan dan yang memerlukan perhatian bagi kemanfaatan, keselamatan serta kemudahan semua," jelasnya.

Beliau berharap agar lebih ramai lagi penduduk akan tampil menggembleng tenaga bersama-sama untuk berperanan menyelenggarakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, termasuk kebersihan dan keselamatan, di kawasan RPN berkenaan.

Juga menyertai aktiviti berkenaan, Pemangku Ketua Kampung Kawasan I, Awang Haji Layar bin Raime serta para penduduk di kawasan RPN Kawasan I.



**AKTIVITI kemasyarakatan, memotong dan membersihkan dahan pokok yang menghalang lalu lintas dan keselamatan pengguna jalan raya di Kawasan Simpang 41.**

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN TAWARAN

Penender - penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

Bilangan Tawaran :
019 / HQ / 2022 - S
[033 / LOG / 2022 - S]

Tajuk Tawaran :
The Supply, Design, Deliver, Installation, Configuration, Testing, Commissioning, Documentation and Maintenance of Internet Protocol (IP) Video Surveillance System Complete with Related Accessories for Criminal Investigation Department, Royal Brunei Police Force

Tarikh Tutup Tawaran :
Isnin, 3 Oktober 2022,
Tidak lewat jam 10.00 Pagi

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Pemberitahuan Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :
(94) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
REPAIR WORKS TO EXISTING VIDEO PROCESSOR SCOREBOARD AT STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH

Bilangan Tawaran :
(95) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
SUPPLY, DELIVERY AND INSTALL GOAL POST AT PADANG ARENA SERIA AND KOMPLEKS SUKAN MUMONG, KUALA BELAIT

Bilangan Tawaran :
(96) JBS / ADM / QC / 2022

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG WATER PUMP FOR WATER TANK, SUBMERSIBLE PUMP AND HOSE BAGI KOLAM RENANG ANGGEREK DESA, KSNHB

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis
6 Oktober 2022
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**

NOTIS JUALAN LELONG SECARA TAWARAN TERTUTUP

Peti Tawaran Sebut Harga Unit Pengangkutan dan Bengkel
Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Batu Besurat Gadong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan Dibuka :
Isnin,
12 September 2022

Tarikh Iklan Ditutup :
Rabu,
12 Oktober 2022

Tarikh Melihat Barang :
22 September 2022 dan 29 September 2022

Jam : 9.00 Pagi - 11.00 Pagi

Bertempat : JPE Sub-stor Pasir Putih, Tanjung Maya, Daerah Tutong

Keterangan Barang :
Overhead Aluminium Conductor - 15 Ton

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 84 / 2022

Tajuk Tawaran :
DESLUDGING OF MANHOLES AND GULLY TRAP FOR DEWAN MUHIBBAH, NEW BUILDING AND OLD BUILDING BLOCK 'A' AND 'B', JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA FOR THE PERIOD OF ONE (1) YEAR

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
27 September 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
II, III & IV

Kategori :
KPB12 Sahaja

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin,
19 September 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Pada :
Selasa
11 Oktober 2022
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TEMB / T018 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELANGGARAN LUAR BAGI PEKAN BANGAR DAN KAWASAN BERDEKATANNYA, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

No. Projek :
JASTRE / TEMB / T018 / 2022

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JPi / 06 / 2022

Tajuk Tawaran :
'Proposed Design And Build Seawater Intake Infrastructure, Inclusive Of Testing And Commissioning, At Fisheries Aquaculture Site, Sungai Paku Kg Telisai, 40 Hectares, Tutong District, Brunei Darussalam'

Bilangan Tawaran :
JPi / 07 / 2022

Tajuk Tawaran :
'Proposed Design And Build Seawater Intake Infrastructure, Inclusive Of Testing And Commissioning, At Fisheries Aquaculture Site, Sungai Paku Kg Telisai, Tutong District, 26 Hectares, Brunei Darussalam'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 November 2022

Jam Tutup Tawaran :
2.00 Petang

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2022 - 2023 / 07

Tajuk Tawaran :
'MAINTENANCE AND CLEANING OF LANDSCAPES AND FACILITIES AT SUNGAI BASONG RECREATIONAL PARK, TUTONG' SELAMA DUA (2) TAHUN MULAI 18 OKTOBER 2022 HINGGA 17 OKTOBER 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
29 September 2022,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / 164 / 139 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract 12 Months For Rubbish Collection To Tanah Perkuburan Islam Selected Area Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
12 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 101 / 2022**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**KUAN SOON KIONG**
**(BPIC No. 30-210383)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 Bilik (R1-5)**, Mahkamah Besar pada **10 Oktober 2022, jam 10.00 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Oktober 2022, jam 10.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**24 Ogos 2022**

**KES NO. BCY / CP / 109 / 2022**

**BAIDURI BANK BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**SITI LIPAH BINTI HAJI MAHALI**
**(BYIC No. 00-064432)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi **Tingkat 1, Bilik (R1-5)**, Mahkamah Besar pada **10 Oktober 2022, jam 9.45 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Oktober 2022, jam 9.45 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**24 Ogos 2022**

**KES NO. BCY / CP / 141 / 2022**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**ABDUL KAHAR BIN HAJI KABON**
**(BYIC No. 00-076955)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 Bilik (R1-5)** Mahkamah Besar pada **10 Oktober 2022** jam **9.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **10 Oktober 2022** jam **9.30 pagi** di Mahkamah Besar.

**>> Muka 16**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

**Bilangan Tawaran :**
**01 / SEP / 2022 / KKBS / HSSE / SECURITY / JMM**

**Tajuk Tawaran :**
**MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN BAGI BANGUNAN GALERI SENI, JALAN MC ARTHUR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Tidak lewat Selasa, 27 September 2022, Jam 2.00 Petang**

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Kelas :**
**IV / V**

**Kategori :**
**M01**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR / DME / 19 / BPB / 2022**

**Nama Projek :**
**KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN SISTEM HAWA DINGIN BAGI 'GROUP LOCATION 6' UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN (2022)**

**Yuran Tawaran :**
**BND 50.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Bilangan Tawaran :**
**JKR / DME / 20 / BPB / 2022**

**Nama Projek :**
**KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN SISTEM HAWA DINGIN BAGI 'LOKASI KUMPULAN (5) DAERAH TEMBURONG UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN (2022)**

**Yuran Tawaran :**
**BND 30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Selasa, 27 September 2022, Tidak lewat dari jam 2.00 Petang**

**PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**Bilangan :**
**SPA / BPK / 4 / 2022**

**PEMBAIKAN DAN PENGUBAHSUAIAN DI KAWASAN RUANGAN WING B, TINGKAT 4 BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**Tarikh Buka Tawaran :**
**Sabtu, 17 September 2022**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Sabtu, 1 Oktober 2022**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Sabtu, 15 Oktober 2022, Jam 2.00 Petang**

**Yuran Tawaran :**
**BND 50.00 tunai**
**(Tidak dikembalikan)**

**PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**Bilangan Tawaran :**
**SPA / BPK / 05 / 2022**

**Tajuk Tawaran :**
**TAWARAN MEMBEKALKAN 10 UNIT CONFERENCE ROOM MICROPHONE BAGI KEGUNAAN DI BILIK PERSIDANGAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 4 Oktober 2022, Jam 12.00 Tengah Hari**



>> Muka 15

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**24 Ogos 2022**

**KES NO. BCY / CP / 45 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMAD ADI SYAHIRAN BIN AWANG YUSUF**
**RBAF IC No. 01-111318 (ARMY No.52579)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **4 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1 Bilik (R1-5)** Mahkamah Besar pada **6 Oktober 2022** jam **9.15 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **6 Oktober 2022** jam **9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Bertarikh :
**24 Ogos 2022**

**KES NO. BCY / CP / 213 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**SITI NUR HAYATI BINTI MUSTAPA**
**(BYIC No. 01-056362)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Jun 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di, **Tingkat 1 Bilik (R1-3)** Mahkamah Besar pada **14 November 2022** jam **9.00 pagi.** Bagi membolehkan kamu mengundi bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang ditetapkan pada **14 November 2022** jam **9.00 pagi** di Mahkamah Besar**.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis, menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**10 Ogos 2022**

**DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 234 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMMAD GHAZALIE BIN AWANG HAJI MATASAN**
**BYIC No. 01-069607**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Jun 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2 Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar pada **25 Ogos 2022** jam **10.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **25 Ogos 2022** jam **10.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**6 Ogos 2022**

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI ALAIHUDDIN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 172 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**ABDUL HARITH AKMALHAKIM BIN IMRAN**
**BYIC No. 01-039172**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 November 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di, **Tingkat 1 Bilik (R1-6)** Mahkamah Besar pada **3 Oktober 2022** jam **10.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **3 Oktober 2022** jam **10.30 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**22 Ogos 2022**

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 80 / 2022**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**BAD SOFEA BINTI HAJI AHMAD**
**BYIC No. 01-068548**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Ogos 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2** Mahkamah Besar pada **28 September 2022** jam **9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **28 September 2022** jam **9.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**30 Ogos 2022**

**KES NO. BCY / CP / 128 / 2022**

**INTEGRATED COMMUNICATIONS SDN BHD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**DAYANG FAUZIAH SHARIFF**
**BYIC No. 00-262437**
**AND**
**AWANG RASIDI BIN AWG HJ OTHMAN / HJ OSMAN**
**BYIC No. 00-041988**
**(Both Trading under The name and Style of EFRA'S Communications)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 Julai 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di, Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2** Mahkamah Besar pada **13 September 2022** jam **9.15 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **13 September 2022** jam **9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**29 Ogos 2022**

**KAMALIAH FADHILAH BINTI HJ IBRAHIM**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 172 / 2021**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**DAMIT BIN AMAN**
**BYIC No. 00-257215**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21 Julai 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di, **Tingkat 2 Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar pada **15 September 2022** jam **10.45 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **15 September 2022** jam **10.45 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
**23 Ogos 2022**

**MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI PERTAMA**

**KES NO. BCY / CP / 309 / 2014**

**Nama Penghutang** - Jaafar bin Sitam (BYIC No. 00-118080) - **Alamat** - No.29, Simpang 12, Jalan Madang Sisik, RPN Kg. Rataie, Temburong PE2951, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 309 Tahun 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 54.3 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 29 Ogos 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
**2 Ogos 2022**

**NOTIS MENGENAI PEMBAYARAN KOMPOSISI TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 172 / 2012**

**Nama Penghutang** - Noraini binti Hj Mohiddin (BYIC No.: 00-112484). **Alamat** - No.11, Simpang 49, Jalan Rotan Gatah, RPN Lumut, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 172 tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 27 Ogos 2022. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
**20 Ogos 2022**

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada atlet yang hadir pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke SUKMA XX MSN 2022, Malaysia, diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). - Foto : Azmah Haji Ahad.

SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan Piala Pusingan Kejohanan Futsal Keputeraan 2022 di antara Pasukan Kasuka dan Ar Rawda dan Pasukan Boneka FC. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA aksi peserta pada Kejohanan Skim Karate Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Bawah 19 Tahun bagi Tahun 2022, yang diadakan di Pusat Belia. - Foto : Azmah Haji Ahad.

AKSI perlawanan di antara DPMM FC dan IKLS-MB5 FC pada perlawanan Piala FA Brunei 2022, yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium. - Foto : Masri Osman.

# 30 GURU TRAVEL AND TOURISM ADAKAN LAWATAN KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA



**PARA Guru subjek Travel and Tourism dari sekolah menengah dan maktab kerajaan dan sekolah menengah swasta pada sesi bergambar ramai ketika lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-sekolah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Seramai 30 Guru subjek Travel and Tourism dari sekolah menengah dan maktab kerajaan dan sekolah menengah swasta, baru-baru ini, membuat lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja, di sini.

Ketibaan rombongan disambut oleh Pengawai Muzium, Dayang Jahrani binti Haji Abas.

Lawatan disusuli dengan taklimat ringkas yang kemudian diikuti dengan lawatan dalam persekitaran kawasan muzium dan seterusnya sesi soal jawab.

Lawatan dianjurkan oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien yang merupakan ahli Subject Based Committee (SBC) Travel and Tourism.

Antara tujuan lawatan ialah untuk mempelajari latar belakang Muzium Alat Kebesaran Diraja, peralatan-peralatan yang digunakan semasa adat istiadat kebesaran diraja, dan usaha yang dibuat bagi menarik pelawat ke muzium.

Diharapkan melalui lawatan tersebut, guru-guru subjek Travel and Tourism akan dapat menggunakan maklumat yang diperoleh untuk diterapkan dalam pengajaran mereka.

Di akhir lawatan, Dayang Hajah Latifah binti Haji Sawal dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain yang merupakan Setiausaha SBC Travel and Tourim menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada Dayang Jahrani bagi mewakili Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Sebagai tanda penghargaan, sijil-sijil juga disampaikan kepada Dayangku Dewi Aida binti Pengiran Suhaili dan Dayang Kartina Haji Salim, Guru-guru daripada Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien yang merupakan penganjur lawatan berkenaan.

# Peluang sertai Kursus Latihan Astrofiqh

**Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) akan menawarkan Kursus Latihan Astrofiqh dengan tajuk 'Penentuan Arah Kiblat' kepada orang ramai.




Adapun tujuan kursus ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai sistem koordinat yang terdapat di dalam dunia astronomi dan mempelajari sistem koordinat yang berhubung kait dengan Astrofiqh. Selain itu, para peserta juga akan diperkenalkan dengan konsep kiblat secara syarak dan diberikan latihan *hands-on* dalam penentuan kiblat asas.

Kursus tersebut akan diadakan pada Sabtu, 19 November 2022 / 25 Rabiulakhir 1444, dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kampus UNISSA, Gadong.

Yuran Penyertaan bagi setiap seorang peserta (pegawai dan kakitangan kerajaan) ialah BND150.00; bagi setiap seorang peserta (orang ramai dan persendirian) sebanyak BND100.00; dan bagi setiap seorang peserta (Warga & Alumni UNISSA) pula sebanyak BND50.00.

Para peserta yang ingin mendaftar bagi kursus ini bolehlah melayari pautan *http://bit.ly/ASTROFIQH_2021* atau dengan mengimbas kod QR.

Tarikh akhir pendaftaran adalah pada Khamis, 13 Oktober 2022, jam 4.30 petang.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, para peserta bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 204 atau 202 atau melayari laman sesawang, *www.unissa.edu.bn* atau menghantar e-mel ke *C4L@unissa.edu.bn*.

# Pengemaskinian Alert List BDCB

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) baru-baru ini memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberikan kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai berkenaan adalah tanpa prejudis pada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai pelbagai aktiviti syarikat berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa individu, syarikat atau entiti yang dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan September 2022 adalah seperti berikut, iaitu Admin Loan Brunei Darussalam (FB Profile) (+673 8871503) / Trusted Loan Brunei / trusted_loan_online_brunei; Atiqah Abdullah (FB Profile); Bitcoin_treding_investment (IG Profile) (+673 7278250); Brunei Loan Online Personal / Loan Personal Online Brunei (FB Profile) (+673 7263033 & +673 7163703) / @Csbruneiloanonline / Admin Brunei Loan Online; Faeyza_trader_official (IG Profile) (+673 7234943) / faeyza_trader_group / Faeyza Trader; HSB_trader_invastment (IG Profile) / @hsb_trader (HSB Investasi); loan.online.brunei (IG Profile) (+601160600453); Moon_krypton_investment (IG Profile) / @bang_forex (Moonkrypton FX) / +673 7256531; Smart Investment (IG Profile) / Elite FX Brunei; Syarikat Khuzaimah Khairiah / Khuzaimah Khairiah (FB Profile) (+673 8315559) / Norazimah bte Tahir / khuzaimah_khairiah (IG Profile); Syarikat Sinar Berusaha (FB Profile) / Kreditloan Pribadisinarberusaha / Kredit Loan Pribadi Bandar Seri Begawan / Kreditloanpercaya / Loanpribadibruneidarussalam / Loan Pribadi Sinar Berusaha Brunei Darussalam / Fahri Yan / Sttalmet.loans.sinar berusaha / +673 8113479 / +673 7276257 / +673 8626399; dan Xtra Trading Inc (XTI) / Brunei XM Trader / XTI XM Rebate Brunei Malaysia (FB Profile) / brunei_xm_trader (IG Profile) / xti.rebate / XTIRebate / Xtirebate Brunei Malaysia / XtiXmRebate / BruneiXmTrader / +673 7202030 / +673 8903458 / +673 8319284.

Alert List BDCB yang dikemaskinikan boleh didapati di Laman Sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan, bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn* atau Instagram *BDCB@centralbank.brunei* untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di NBD.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB menerusi talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel ke *fci@bdcb.gov.bn*.

# HASRAT PELUK AGAMA ISLAM TERCAPAI

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 18 September. - Hasrat seorang lelaki berbangsa Dusun Kedazan untuk memeluk agama Islam kini tercapai apabila beliau telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya, di sini.

Rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala disuarakan oleh Kudiri bin Subing, berusia 50 tahun yang kini digelar dengan nama baharunya, Awang Muhammad Anwari Subing bin Abdullah.

Beliau juga menjelaskan, keinginan untuk memeluk agama Islam timbul daripada naluri hatinya.

Menurutnya lagi, Islam itu merupakan agama yang indah dan ia bukannya sesuatu yang baharu baginya.

Beliau berharap akan dapat mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam lagi agar beliau menjadi seorang Islam yang sebenar.

Majlis Pengislaman yang berlangsung di kediaman Awang Paizal bin Zainal, di Kampung Pengkalan Batu, Jalan Mulaut-Limau Manis, di sini, disempurnakan di hadapan para pegawai dari Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah.

Sejak awal tahun 2022 hingga 1 September 2022, jumlah orang yang memeluk agama Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam ialah seramai 303 orang dengan 100 orang daripada jumlah tersebut adalah dari Daerah Brunei Muara.



**KUDIRI bin Subing, yang kini dikenali sebagai Awang Muhammad Anwari Subing bin Abdullah melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan para pegawai dari Unit Pengislaman, Pusat Da'wah Islamiah.**



**MAJLIS Pengislaman berlangsung di kediaman Awang Paizal bin Zainal, di Kampung Pengkalan Batu, Jalan Mulaut-Limau Manis.**

# Kempen Derma Darah diteruskan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di sepanjang September ini.

Kempen Derma Darah tersebut akan diadakan di Mid Valley Shopping Centre, Jalan Masjid Salambigar, pada Isnin, 19 September 2022, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kemudian di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar, pada Selasa, 20 September 2022, bermula jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Kempen akan diteruskan lagi di Unicorp Sdn. Bhd., Tapak Perindustrian Beribi II, pada Sabtu, 24 September 2022, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang; dan Times Square Shopping Centre, Berakas anjuran Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA), pada Ahad, 25 September 2022, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi mana-mana Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Jabatan Perkhidmatan Makmal, juga akan mengadakan Kempen Derma Darah di FooChow Association, Kuala Belait, pada Ahad, 18 September 2022, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 atau 6001 atau 6002 atau WhatsApp +673 8775745 atau +673 7375745 atau +673 7175745 atau e-mel ke *bloodbank@moh.gov.bn* dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, *@bloodbank.ripas.*

| TARIKH & MASA | TEMPAT |
|---|---|
| Isnin, 19 September 2022<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Mid Valley Shopping Centre,<br>Jalan Masjid Salambigar |
| Selasa, 20 September 2022<br>1.30 petang hingga 3.30 petang | Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali,<br>Salambigar |
| Sabtu, 24 September 2022<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Unicorp Sdn Bhd,<br>Tapak Perindustrian Beribi II |
| Ahad, 25 September 2022<br>10.00 pagi hingga 2.00 petang | Times Square Shopping Centre, Berakas<br>Anjuran Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) |
| Ahad, 18 September 2022<br>9.00 pagi hingga 2.00 petang | FooChow Association,<br>Kuala Belait |







**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Manfaatkan Ilmu dalam Memajukan Masyarakat'.** Tarikh Tutup **: 21 September 2022**
2. **'Wujudkan Masyarakat Sihat Tanpa Dadah'.** Tarikh Tutup **: 28 September 2022**
3. **'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'.** Tarikh Tutup **: 5 Oktober 2022**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang




# Perniagaan *Quiche* dapat sambutan menggalakkan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ihsan Nish**

RUANGAN Kotej Industri kali ini menampilkan seorang suri rumah tangga sepenuh masa yang sangat gigih berniaga *quiche* dengan menggunakan platform media baharu menerusi media sosial di laman Instagram, _la_nishquiche_gourmande_ untuk menjual *quiche* hasil buatan beliau sendiri.

Suri rumah tangga yang dimaksudkan ialah Dayang Nish berumur 38 tahun, berkelulusan Diploma in Computer Studies, yang berniaga *quiche,* iaitu sejenis makanan istimewa yang sangat terkenal dan digemari dari Perancis. Ia merupakan sejenis makanan pastri yang berintikan ayam, daging, keju, kastard, sayur-sayuran dan makanan laut yang boleh dihidang dalam keadaan panas atau sejuk.

Mengimbas kembali bagaimana tercetusnya minat membuat *quiche* dan akhirnya memberanikan diri untuk berniaga *quiche* buatannya itu.

"Sebelum berniaga *quiche* ini, saya pernah bekerja di salah sebuah bank di negara ini selama 10 tahun. Apabila waktu rehat, saya suka membeli *quiche* kerana saya gemar memakannya. Pada suatu ketika, semasa saya memakannya, tiba-tiba terlintas di fikiran untuk mencuba membuat *quiche* sendiri walaupun *baking* bukan bidang saya. Kerana keinginan mencuba yang sangat kuat dan saya sangat meminati *quiche* ini juga, lalu saya pun cuba membuatnya dan hasilnya saya menerima respon yang baik dari keluarga setelah mereka memakannya. Sejak itu, kaum keluarga dan rakan terdekat mula menempah *quiche* dari saya. Oleh kerana menerima sambutan yang menggalakkan, saya cuba untuk menjualnya secara menerima tempahan awal (*pre-order*) menerusi laman Instagram, *_la_nishquiche_gourmande_*," jelasnya.

*Quiche* yang terdapat di *_la_nishquiche_gourmande_* dijual yang berintikan pelbagai inti, antaranya *smoked salmon*, ayam, *spinach* dan cendawan dan bermacam-macam lagi. *Quiche* yang dijual ini juga mempunyai saiz yang berlainan, ada enam inci, 10 inci dan saiz kecil.

"*Quiche-quiche* ini dijual dengan harga yang amat berpatutan dan kesemua bahan-bahan bagi pembuatan *quiche* ini menggunakan bahan-bahan yang halal dan premium dan dibuat oleh saya sendiri," ujarnya.

Menyentuh mengenai cabaran berniaga *quiche* ini, beliau menjelaskan, cabaran yang dihadapi berniaga membuat *quiche* apabila menerima pesanan yang sangat banyak. Untuk penyelesaiannya, beliau akan mengambil khidmat pembantu yang beliau upah agar tempahan *quiche* yang diterima dapat dibuat mengikut jam yang ditentukan oleh pelanggannya. Selain itu, jika banyak tempahan, dan terdapat *quiche* yang dibuat tidak 'menjadi', beliau terpaksa menggantikannya dengan yang baharu lagi.

Cabaran kedua pula tambahnya, ialah pembahagian dan pengurusan masa. Ini amat penting kerana semua *quiche* yang dijual melalui tempahan awal (*pre-order*) dan jika menerima tempahan *quiche* yang banyak beliau terpaksa menyesuaikan masa agar *quiche* yang ditempah memenuhi permintaan pelanggan dan menepati masa untuk penghantaran yang dihantar melalui khidmat *runner.* Pada ketika ini, kesemua tempahan *quiche* yang dibeli boleh diambil sendiri di rumah kediamannya ataupun melalui perkhidmatan *runner,* di mana mereka akan mengenakan caj perkhidmatan penghantaran.

Ditanya mengenai harapan dalam berniaga *quiche* ini, beliau berharap agar *quiche* hasil buatan beliau menerima pendedahan yang luas dan diterima oleh orang ramai, di samping dapat menarik ramai orang untuk membeli *quiche*nya.

"Alhamdulillah, pada setakat ini, saya menerima sambutan yang menggalakkan dari orang ramai kerana hampir setiap hari menerima tempahan *quiche* daripada pelanggan yang biasa menempah mahupun pelanggan yang baharu. Namun setiap Isnin dan Selasa, saya tidak menerima tempahan kerana pada kedua hari tersebut saya cuti untuk memberi ruang kepada saya untuk berehat dan meluangkan masa bersama keluarga. Selain itu juga, bagi memberi saya ruang untuk membeli bahan-bahan stok untuk pembuatan *quiche* seterusnya," ujarnya apabila ditanya mengenai sambutan daripada para pelanggan.

Dalam kesempatan ini, beliau turut memberi kata nasihat kepada belia di luar sana agar tidak mudah berputus asa.

"Memang dalam berniaga ini ada turun dan naik, cabaran memang banyak dihadapi, akan tetapi sentiasa beringat akan matlamat yang kita hendak kecapi iaitu untuk berjaya dalam bidang perniagaan dan memperluaskan lagi perniagaan kita di pasaran tempatan dan antarabangsa".



# Pentingnya peranan NGO, sukarelawan yang signifikan

**Terjemahan : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Development Goals Annual Report 2021**
**Foto: Jabatan Penerangan**

**JUMLAH** sumbangan Rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk Projek Perkampungan ASEAN, terdiri daripada 56 unit rumah dan sebuah masjid yang boleh memuatkan jemaah sehingga 200 orang. Pembiayaan projek itu dikumpul melalui penubuhan Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi yang mengutip derma daripada rakyat dan penduduk NBD yang menunjukkan keprihatinan dan rasa perpaduan rakyat di NBD kepada rakyat yang terjejas akibat gempa bumi dan Tsunami di Sulawesi Tengah yang berlaku pada September 2018.

Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 telah ditubuhkan pada Mei 2021 sehingga Ogos 2021 sebagai platform kebangsaan untuk para penderma menyumbang secara langsung dan menganjurkan aktiviti kebajikan secara berkumpulan dan mengutip derma yang akan disalurkan bagi menangani masalah keperluan paling mendesak rakyat Palestin. Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga sedang berusaha menyokong kerja tersebut di kawasan ini. Dalam konteks serantau, NBD juga bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN untuk menyemak Peraturan Kewangan Dana Pengurusan Bencana dan Bantuan Kecemasan (ADMER) ASEAN untuk membolehkan rakyat ASEAN membuat sumbangan semasa bencana alam, selaras dengan keutamaan Pengerusi ASEAN untuk memanfaatkan sifat prihatin ASEAN.

Kesukarelawanan dilihat sebagai satu usaha untuk membina masyarakat yang mampan dan terdapat banyak kemajuan yang telah dicapai. Sebagai contoh, sebagai usaha untuk meningkatkan aktiviti kesukarelawanan sebagai tanggungjawab bersama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menandatangani MoU dengan Bank Baiduri untuk Aplikasi Mudah Alih Sukarelawan 'Mengalinga' yang menyediakan platform untuk penganjur acara dan NGO untuk berkongsi peluang sukarelawan bagi mereka yang berminat.

Buku Garis Panduan Sukarelawan turut dilancarkan untuk memberi panduan yang lebih komprehensif dan bertindak sebagai rujukan dalam penganjuran aktiviti dan gerak kerja sukarela. Inisiatif ini akan membantu menerajui kesukarelawanan, terutamanya dalam kalangan generasi muda dan menjelaskan hak dan keistimewaan sukarelawan. Sejak 2018, NBD, melalui KKBS, bersama-sama persatuan belia, NGOs, agensi swasta dan kerajaan, menganjurkan Kempen Hari Bertindak setiap 5 Disember, bersempena dengan Hari Sukarelawan Antarabangsa.

Di bawah Kepengerusian ASEAN bagi NBD pada 2021, ASEAN juga mengiktiraf keperluan untuk memastikan kemampanan dan kemajuan dalam kerja ASEAN dengan melengkapkan pegawai-pegawai muda negara anggota ASEAN dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi cabaran baharu. Untuk tujuan ini, ASEAN menubuhkan Program Fellowship Junior ASEAN dengan Sekretariat ASEAN, dan mengalu-alukan pembiayaan program oleh NBD untuk 10 tahun akan datang.

**Bahagian 2 : Pendekatan seluruh negara dalam memerangi pandemik COVID-19**

Krisis global yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah mengganggu usaha untuk mencapai Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan. Dunia mendapati dirinya berada dalam situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang mengganggu kemajuan dalam kesihatan, ekonomi dan masyarakat, terutamanya yang paling menjejaskan orang termiskin dan paling terdedah di dunia.

Forum Politik Peringkat Tinggi (HLPF) pada tahun 2020 telah menekankan kepada negara anggota tentang risiko wabak ini kepada perkembangan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG) dan kemungkinan kesannya yang banyak terhadap sektor masyarakat. Walau bagaimanapun, COVID-19 telah memberikan peluang untuk mengukuhkan kerjasama dan perpaduan global untuk menangani cabaran bersama dan mempercepatkan tindakan untuk Membina Kembali dengan Lebih Baik (Build Back Better).

Bagi NBD, COVID-19 telah menunjukkan kepada kita kebijaksanaan yang wujud dalam Agenda 2030 dan pada masa yang sama mengukuhkan keperluan penyelesaian untuk ditangani secara kolaboratif dan kolektif. Seperti negara lain, negara terus bertindak balas terhadap pandemik dan bersedia untuk pemulihan. Bahagian ini akan menyebut beberapa usaha yang telah diperkenalkan oleh NBD semasa menangani pandemik COVID-19.

NBD terus mengekalkan dan memulihkan gangguan ekonomi dan sosial yang disebabkan oleh pandemik melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dan seluruh bangsa. Langkah-langkah yang diambil tertumpu kepada empat bidang utama berikut :

(i) Menjaga kesejahteraan orang ramai;
(ii) Melindungi pekerjaan dan menyediakan sokongan untuk individu;
(iii) Menyokong dan membantu perniagaan;
(iv) Program Vaksinasi Kebangsaan.



BERITA GLOBAL

# PBB LANCAR KEMUDAHAN KEWANGAN ANTARABANGSA UNTUK PENDIDIKAN

**NEW YORK**, 18 Sept - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) António Guterres dan utusan khas bagi pendidikan global, Gordon Brown, pada Sabtu melancarkan Kemudahan Kewangan Antarabangsa untuk Pendidikan (IFFEd) bernilai berbilion dolar.

Menjangkakan projek pertamanya pada 2023, IFFEd akan menyokong pelaburan pendidikan dan pembangunan kemahiran di negara berpendapatan sederhana-rendah. Dengan pembiayaan awal US$2 bilion, kemudahan itu dijangka berkembang kepada US$10 bilion menjelang 2030, lapor Xinhua.

Dalam satu sidang akhbar bersama, Guterres berkata sejak pandemik COVID-19 bermula, dua pertiga negara telah mengurangkan perbelanjawan pendidikan mereka, tetapi pendidikan adalah blok masyarakat yang aman, makmur dan stabil.

"Mengurangkan pelaburan bermakna membenarkan krisis yang lebih serius berterusan. Kita perlu mendapatkan lebih banyak dana ke dalam sistem pendidikan, bukan mengurangkannya."

Negara-negara kaya boleh meningkatkan pembiayaan daripada sumber domestik mereka, tetapi banyak negara membangun sedang dilanda krisis kos sara hidup, dan memerlukan sokongan segera untuk pendidikan, kata Guterres, sambil menambah bahawa inilah peranan IFFEd.

Kemudahan itu bertujuan untuk mendapatkan pembiayaan buat negara berpendapatan sederhana-rendah. Menyediakan rumah kepada separuh daripada kanak-kanak dan belia dunia serta majoriti kanak-kanak yang tidak berumah dan pelarian dunia, katanya.

IFFEd bukanlah dana baharu, tetapi satu mekanisme untuk meningkatkan sumber yang tersedia kepada bank pelbagai hala untuk menyediakan kemudahan kewangan pendidikan kos rendah. Ia akan melengkapkan dan bekerjasama dengan wadah sedia ada yang menyediakan geran dan bantuan lain, kata Guterres. Beliau juga menggesa semua penderma antarabangsa dan organisasi dermawan untuk menyokong IFFEd.

Brown berkata IFFEd adalah untuk menangani krisis apabila 260 juta kanak-kanak di usia persekolahan yang keciciran sekolah, 400 juta kanak-kanak pada usia 11 tahun tidak boleh membaca atau menulis dan tercicir daripada pendidikan, 840 juta kanak-kanak dan orang muda yang meninggalkan pendidikan dalam usia remaja, tidak mempunyai kelayakan di tempat kerja pada masa depan.

"Dari masa ke masa, kami menjangkakan dana ini akan berkembang daripada US$2 bilion pada awalnya, kepada US$5 bilion dan meningkat kepada US$10 bilion. Bermaksud, hari ini dunia menyaksikan kami mengumumkan pelaburan tunggal terbesar dalam pendidikan global, dan kami percaya ia boleh mengubah prospek berjuta-juta kanak-kanak," katanya. - ©BERNAMA

## Australia tidak akan sekat pelancong Rusia - Menteri Pertahanan

**MOSCOW**, 18 Sept - Menteri Pertahanan Australia Richard Marles pada Ahad berkata negaranya tidak akan menyekat kemasukan pelancong Rusia ke negara itu.

"Kami sudah ada pelbagai sekatan dan tumpuan sekatan kami adalah terhadap kerajaan Rusia... bukan rakyatnya. Ini bukan sesuatu yang kami sedang pertimbangkan pada masa ini," lapor Sputnik memetik Marles ketika ditanya penyiar Australia ABC News sama ada Australia akan melarang pelancong Rusia memasuki negara itu.

Pada 12 Sept, Suruhanjaya Eropah menggantung perjanjian kemudahan visa dengan Rusia.

Pada 19 Sept, Poland, Lithuania, Latvia dan Estonia bersetuju untuk bersama-sama memperkenalkan sekatan perjalanan terhadap warga Rusia dan sepakat dengan pendekatan serantau yang sama terhadap pengembara warga Rusia. - ©BERNAMA

## Paris matikan lampu Piramid Louvre lebih awal untuk jimat tenaga

**MOSCOW**, 18 Sept. - Paris akan mematikan lampu di Piramid Louvre lebih awal mulai Sabtu, menurut Menteri Kebudayaan Perancis sebagai "isyarat simbolik" untuk menjimatkan tenaga.

Piramid daripada kaca dan keluli di luar Muzium Louvre itu diterangi dari dalam sehingga 1 pagi setiap malam. Menteri Rima Abdul Malak dalam rancangan pagi di saluran televisyen France 2 berkata pencahayaan itu akan dihentikan dua jam lebih awal daripada biasa, kata Sputnik.

"Kami akan mematikan lampu lebih awal di Piramid Louvre mulai malam ini. Louvre akan gelap pada 11 malam berbanding 1 pagi sebelum ini," katanya.

Mulai minggu depan, Istana Versailles akan gelap pada 11 malam, sejam lebih awal daripada biasa. Sementara lampu di Menara Eiffel yang menjadi ikonik Paris akan dimatikan pada 11.45 malam berbanding 1 pagi, mulai 23 Sept. - ©BERNAMA

## Dua kru diselamatkan selepas tongkang dinaiki karam di Labuan

**LABUAN**, 17 Sept. - Dua kru diselamatkan apabila tongkang mereka karam akibat cuaca buruk di Pulau Kuraman di sini pagi semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Labuan Kepten Nudin Jusoh berkata kejadian berlaku ketika tongkang dinaiki kedua-dua lelaki berusia 43 dan 57 tahun itu sedang mengangkut air mentah ke sebuah kapal.

Beliau berkata ketika anggota APMM menghampiri lokasi kejadian, tekong bot kargo yang berusia 30 tahun dan dua krunya berusia 32 dan 39 tahun sedang menyelamatkan kru tongkang terbabit pada 4 pagi.

"Anggota APMM kemudian menunda bot kargo bersama tekong dan kesemua kru berkenaan ke Jeti APMM dengan selamat," katanya kepada Bernama hari ini. - ©BERNAMA

## 24 terbunuh dalam pertempuran di sempadan Tajikistan-Kyrgyzstan

**BISHKEK (Kyrgyzstan)**, 17 Sept. - Sejumlah 24 orang terbunuh dalam pertempuran di sempadan Kyrgyzstan-Tajikistan, menurut Kementerian Kesihatan Kyrgyzstan pada Jumaat.

Kesemua mayat dibawa ke hospital di wilayah Batken, lapor Agensi Anadolu.

Kira-kira 90 orang di pihak Kyrgyz cedera dalam pertempuran itu.

Konflik antara pengawal sempadan kedua-dua negara itu tercetus pada awal Jumaat.

Kedua-dua pihak saling menuding jari berhubung pihak yang melanggar perjanjian namun bersetuju untuk pelucutan senjata pada 4 petang waktu tempatan (2200 GMT).

Ketegangan di wilayah itu akibat pertikaian sempadan, termasuk pengairan pertanian, kawasan ragut ternakan, penyeludupan dan lintasan sempadan haram.

Kyrgyzstan menutup pintu kastamnya dengan Tajikistan pada 21 Mei 2021, sehingga isu sempadan diselesaikan. - ©BERNAMA

## Taufan bakal melanda, Jepun arah 800,000 penduduk berpindah

**TOKYO**, 18 Sept. - Pihak berkuasa Jepun mengarahkan lebih 800,000 penduduk di barat daya negara itu untuk berpindah sebelum Taufan Nanmadol yang sangat kencang melanda, lapor media pada Sabtu.

Arahan berpindah dikeluarkan kepada 388,000 penduduk Wilayah Kagoshima, 76,000 penduduk bandar Asakusa Wilayah Kumamoto dan kira-kira 400,000 penduduk ibu kota wilayah Miyazaki di tenggara Pulau Kyushu, lapor Sputnik memetik laporan penyiar Jepun NHK.

Ribut dijangka melanda pada tahap empat daripada lima tahap ancaman.

Pihak berkuasa menggesa pemindahan diselesaikan segera, sebelum pengumuman tahap amaran tahap kelima, yang mungkin berisiko kepada nyawa manusia.

Pihak berkuasa turut mengingatkan penduduk tentang langkah-langkah yang perlu jika bekalan elektrik terputus dan kekurangan bekalan air.

Taufan Nanmadol yang mendapat nama sempena monumen budaya Mikronesia - tapak arkeologi Nan Madol, bergerak perlahan menuju barat laut ke arah pulau-pulau di selatan Jepun. Pegawai menjangkakan ia akan menghampiri Kepulauan Amami di wilayah Kagoshima dan pulau barat daya Kyushu pada Ahad hingga Isnin, menurut NHK.

Tekanan pada tengah taufan ialah 910 hektopascal (0.8 atm), dan kelajuan angin di tengah ialah 123 batu sejam, dengan kelajuan tiupan sehingga 167 batu sejam.

Pakar juga memberi amaran bahawa ketinggian ombak boleh mencapai 39 kaki (11.89 meter). Pegawai berkata bahagian selatan Pulau Kyushu boleh mendapat curahan hujan sebanyak 500 milimeter dalam tempoh 24 jam pada Ahad.

Lebih 450 penerbangan yang menghubungkan wilayah barat daya Jepun dengan seluruh negara dan perkhidmatan feri dibatalkan kerana taufan yang semakin hampir. Perkhidmatan kereta api juga mengalami kelewatan.

Menjelang petang Ahad, taufan kuat itu dijangka tiba ke pulau utama Jepun, Honshu dan terus bergerak ke timur laut. Dari malam Ahad hingga Isnin, taufan itu sepatutnya menghampiri wilayah Kansai, wilayah metropolitan Osaka, Kyoto dan Kobe. - ©BERNAMA

## 20 pelombong tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Kalimantan Barat

**JAKARTA**, 17 Sept. - Seramai 20 pelombong tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di lombong emas di wilayah Kalimantan Barat, Indonesia, kata ketua operasi menyelamat pada Sabtu.

Kejadian berlaku di kampung Kinande daerah Bengkayang pada Khamis, namun anggota penyelamat hanya dimaklumkan mengenai insiden itu pada Jumaat, kata Eryk Subaryanto.

"Kami menerima maklumat pada Jumaat dan segera menghantar anggota kami ke lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi agensi berita Xinhua.

Beliau berkata operasi menyelamat mengalami kesukaran susulan hujan lebat sejak beberapa hari lalu, lokasi lombong yang jauh dan kekurangan kemudahan komunikasi.

Misi mencari dan menyelamat melibatkan tentera, kakitangan agensi pengurusan bencana dan mitigasi tempatan serta penduduk kampung, katanya. - ©BERNAMA

## Hartawan India Gautam Adani individu kedua terkaya dunia, atasi pengasas Amazon Jeff Bezos

**NEW YORK**, 17 Sept. - Hartawan India Gautam Adani mengatasi pengasas Amazon Jeff Bezos sebagai individu kedua terkaya di dunia, menjadikannya rakyat pertama India mencapai tahap kekayaan global yang tertinggi, menurut Bloomberg Billionaires Index pada Jumaat, lapor Sputnik.

Adani, yang sebelum ini di tempat ke-14 Indeks Billionaires Bloomberg, memiliki anggaran kekayaan semasa berjumlah US$146.9 bilion di belakang pengasas Tesla, Elon Musk.

Musk individu terkaya di dunia ketika ini dengan anggaran kekayaan sebanyak US$260 bilion.

Menurut Bloomberg Billionaires Index nilai kekayaan Adani meningkat selepas saham syarikat perdananya Adani Enterprises Ltd. melonjak ke paras tertinggi minggu ini.

Nilai saham beberapa syarikat kumpulan Adani juga bertambah lebih daripada 1,000 peratus sejak 2020.

Sementara itu, nilai bersih Bezos merosot kepada US$145.8 bilion pada penilaian terakhir apabila penjualan semula saham syarikat Big Tech di Wall Street menjejaskan kekayaan individu terkaya Amerika dalam sektor itu. Saham Amazon menurun lebih 25 peratus tahun ini. - ©BERNAMA

# KARATE : ATLET NEGARA RAIH PINGAT PERAK



DAYANG Farhah Syahirah binti Mohd. Shamrin berjaya menyumbangkan pingat perak dalam sukan Karate.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ihsan Urus Setia Delegasi Negara Brunei Darussalam SUKMA XX, MSN 2022**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Negara Brunei Darussalam menambah satu lagi pingat pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN Ke-20 melalui acara Kata Individu Wanita apabila Dayang Farhah Syahirah binti Mohd. Shamrin berjaya menyumbangkan pingat perak dalam sukan Karate.

Pada pusingan akhir acara Kata Individu Wanita tersebut, atlet Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip kiraan mata 24.94 manakala pingat emas disandang oleh atlet dari Pulau Pinang dengan kutipan mata 25.68.

Sementara itu, pingat gangsa pula diraih oleh Sabah dan Sarawak masing-masing mengutip mata 24.22 dan 23.16.

Pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UiTM Shah Alam, baru-baru ini turut menyaksikan atlet negara, Awang Mohd. Sufizan bin Muhd. Sofian yang menyertai dalam acara Kumite Lelaki (-84kg) berjaya mara ke pusingan penentuan pingat gangsa setelah mengatasi Kelantan dalam pusingan 'Repechage'.

Namun demikian, nasib belum menyebelahi atlet negara untuk menambah pingat apabila pingat gangsa dimenangi oleh wakil daripada Melaka.

Dalam acara lain pula, Awang Md. Danial bin Dahlan bertanding dalam acara Kumite Lelaki (-67kg) manakala Awang Md. Farhan bin Japar Sani pula dalam acara Kumite Lelaki (-75kg).

Kontinjen sukan Karate negara akan meneruskan persaingan mereka hari ini bagi acara Kumite Berpasukan Lelaki dan Kumite Berpasukan Wanita.



ATLET Negara Brunei Darussalam berjaya mengutip kiraan mata 24.94, manakala pingat emas disandang oleh atlet dari Pulau Pinang dengan kutipan mata 25.68; pingat gangsa pula diraih oleh Sabah dan Sarawak, masing-masing mengutip mata 24.22 dan 23.16.

# Pungutan pingat jadi sasaran

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi selaku wakil Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada sesi bergambar ramai bersama para Ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), terdiri daripada jurulatih dan Atlet Sukan Renang; serta jurulatih dan Atlet Sukan Pencak Silat yang menyertai Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 17 September. - Para atlet kebangsaan, khususnya para Atlet Renang dan Pencak Silat, menyasarkan untuk membawa pulang pingat buat negara, pada penyertaan Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, di Kuala Lumpur, Malaysia.

Salah seorang Atlet Pencak Silat, Awang Mohammad Izzammuddin bin Muhd. Taha semasa ditemui Pelita Brunei, antara lain mengongsikan, Kejohanan SUKMA kali ini merupakan penyertaan beliau yang pertama.

Ketika ditemui sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Awang Mohammad Izzammuddin turut mengongsikan, kategori yang akan beliau sertai ialah Kategori Fighter Tanding Kelas 'A'.

Menyentuh mengenai persediaan yang dijalankan sebelum ini, beliau menjelaskan, sesi latihan giat dilaksanakan sebelum Kejohanan Pencak Silat Dunia diadakan, pada Julai lalu.

Sesi latihan, tambahnya, diadakan setiap hari, mulai 7.30 pagi hingga 10.30 pagi bagi latihan larian dan diteruskan lagi dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Sementara itu, salah seorang Atlet Renang, Awang Nur Haziq bin Samil semasa ditemui berkata, untuk SUKMA kali ini beliau akan menyertai sebanyak tiga kategori, iaitu Kategori Gaya Bebas 100m; 200m; dan 400m.

Sesi latihan yang dijalankan sebelum ini, jelasnya, adalah sangat intensif dengan mengikuti apa saja arahan oleh jurulatih.

Menurutnya lagi, SUKMA kali ini merupakan penyertaan kedua bagi beliau dan berharap untuk memperbaiki rekod peribadi serta mendapat kedudukan tiga ke atas.

Seramai 10 Ahli Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana empat orang, terdiri daripada jurulatih dan Atlet Sukan Renang; dan enam orang, terdiri daripada jurulatih dan Atlet Sukan Pencak Silat bertolak ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menyertai Kejohanan SUKMA XX MSN 2022.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar serta memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara di LTAB, Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Dayang Zainab binti Haji Morshidi selaku wakil Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama, Pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan.

Pada SUKMA kali ini, Kontinjen NBD menyertai sebanyak lima acara sukan, iaitu Akuatik (Renang); Karate; Petanque; Pencak Silat; dan Wushu.

NBD mula mengikuti SUKMA pada tahun 1996 dan hingga ke hari ini, negara memperoleh 5 pingat emas; 12 pingat perak; dan 28 pingat gangsa secara keseluruhan, di mana pencapaian terbaik negara ialah pada tahun 2004 di Negeri Sembilan dengan meraih 1 pingat emas; 5 pingat perak; dan 5 pingat gangsa.

Kali terakhir NBD menyertai SUKMA ialah pada tahun 2018 di Negeri Perak dengan memperoleh 1 pingat perak; dan 3 pingat gangsa.



ATLET Pencak Silat, Awang Mohammad Izzammuddin bin Muhd. Taha dan Atlet Renang, Awang Nur Haziq bin Samil semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

# PIALA GOLF BMW BRUNEI LABUH TIRAI

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pada Piala Golf BMW Brunei 2021 anjuran QAF Auto tersebut.**

**JERUDONG,** Ahad, 18 September. - Piala Golf BMW Brunei 2021 anjuran QAF Auto menutup tirainya dengan Majlis Penyampaian Hadiah, bertempat di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan ikut serta di kejohanan tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir selaku tetamu khas, Naib Presiden Persatuan Golf Brunei Darussalam (BDGA), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Setiausaha Kehormat BDGA, Dato Paduka Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar; Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei, Albert Lau; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Pengiran Azaleen Pengiran Dato Haji Mustapha; dan Pengurus Besar Syarikat National Insurance, Klaus Tomalla.

Pengurus Besar QAF Auto Sdn Bhd, Alisa Khoo dalam ucapannya, antara lain mengongsikan, bahawa kejohanan tersebut menandakan Piala Golf BMW yang pertama di Brunei sejak sekian lama, dan kini mereka berasa teruja kembali untuk bertemu di padang golf (*green*) selepas penantian yang lama dan tidak dijangka.

"Sepatutnya acara ini dianjurkan tahun lepas dan kami terpaksa menangguhkannya selama setahun kerana pandemik," jelasnya.

Beliau turut mengongsikan, bahawa siri Piala BMW Golf Cup Antarabangsa pertama kali diadakan di Jerman, pada tahun 1987 dan sejak itu menjadi kejohanan golf amatur yang paling berprestij serta berjaya di dunia.

Setiap tahun, tambahnya, pertandingan ini menarik lebih 150,000 pemain golf amatur dari lebih 46 negara serta menunjukkan permainan golf pada standard paling premium dan tertinggi.

Menurutnya lagi, kejohanan tersebut bukan sahaja meraikan permainan golf, tetapi juga memberikan peluang dan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada peserta, pelanggan dan peminat mereka yang paling setia.

Kejohanan tersebut diadakan selama dua hari, bermula 17 September 2022 hingga hari ini, di Royal Brunei Golf and Country Club (RBGCC), Jerudong.

Juara bagi Kategori Rasmi dengan membawa pulang baju polo, payung dan beg *stand* BMW Golfsport bagi Lelaki 'A' jatuh kepada Lai Suan Loong dengan markah 76 nett; manakala bagi Lelaki 'B' jatuh kepada Alias Ramlee dengan markah 71 nett.

Bagi Kategori Tetamu Lelaki, dengan membawa pulang baju polo dan beg *stand* BMW Golfsport berserta trofi, juara menjadi milik Jeffrey Chia dengan markah 70 nett.

Manakala juara bagi Kategori Tetamu Wanita yang juga memenangi baju polo dan beg *stand* BMW Golfsport berserta trofi jatuh kepada Dayang Hajah Rusni binti Haji Lamat dengan markah 81 nett.

Piala Golf BMW Brunei memberi peluang kepada pemain golf untuk menguji kemahiran mereka dalam kalangan rakan sebaya melalui semangat persaingan dan setia kawan.

# Lebih 300 sertai acara 'Memory Walk' Demensia Brunei



**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada sesi senamrobik bagi acara 'Memory Walk' Demensia Brunei, yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sempena memperingati Bulan Demensia Sedunia.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 September. - Lebih 300 orang ramai menyertai acara 'Memory Walk' Demensia Brunei yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bersempena memperingati Bulan Demensia Sedunia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan acara berkenaan, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pengarah-pengarah serta pegawai dan kakitangan dari KKBS, ahli persatuan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dari keempat-empat buah daerah, Persatuan WARGAMAS dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang lainnya.

Acara dimulakan dengan sesi senamrobik dan diteruskan dengan perasmian oleh tetamu kehormat majlis yang juga mengepalai acara 'Memory Walk' sejauh tiga kilometer bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Turut diadakan sempena acara berkenaan ialah pameran dari Demensia Brunei dan organisasi-organisasi yang berkepentingan dalam penjagaan seseorang dengan Demensia; Pusat Promosi Kesihatan, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan NGO-NGO yang lain seperti La Vida, COPE for HOPE and Persatuan PEMBELA.

Di samping itu, orang ramai juga berpeluang untuk melakukan saringan Demensia (Dementia Screening).

Acara tersebut dikelolakan oleh Demensia Brunei dengan kerjasama KKBS dan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Demensia adalah sejenis penyakit yang mempengaruhi fungsi kognitif otak yang boleh menjejaskan ingatan, pemikiran, tingkah laku dan perasaan.

Seseorang di seluruh dunia boleh menghidap Demensia setiap tiga saat, dan penyakit berkenaan tersenarai dalam kedudukan ke-7 penyebab utama kematian di seluruh dunia.

# 30 pelajar sertai Rehlah Ilmiah YSHHB

**Oleh : Srinarawie Bidzah**
**Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 September. - Rehlah Ilmiah merupakan salah satu aktiviti bagi para pelajar Program Intervensi Pendidikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang dikendalikan oleh pihak YSHHB dalam memberikan motivasi dan seterusnya memantapkan lagi sifat jati diri para pelajar Projek Kelas Tuisyen untuk terus berusaha ke arah kecemerlangan di samping memberikan pendidikan secara informal dalam aktiviti yang disediakan.

Pada tahun ini, seramai 30 pelajar dari keempat-empat daerah menyertai aktiviti berkenaan, bertempat di Taman Permainan Jerudong Park untuk menimba ilmu pengetahuan dan mengadakan lawatan.

Pelbagai aktiviti telah disusun dan dirancang bagi mengisi program antaranya ialah ceramah motivasi daripada Pakar Motivasi, Ali Yusri bin Haji Ghapor; aktiviti mengikut stesen yang disediakan oleh tenaga pengajar seperti membina Straw Tower, Amazing Race dan lawatan.

Antara objektif program berkenaan ialah bagi melahirkan pelajar yang berdisiplin, bersemangat dan memastikan kecemerlangan yang seimbang dalam bidang kurikulum dan kokurikulum serta bersedia untuk menghadapi peperiksaan dengan penuh keyakinan.

Di samping itu, untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam aspek kehidupan selain memupuk sifat kerjasama, mengeratkan hubungan silaturahim, persefahaman dan muafakat dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar daripada keempat-empat daerah serta sebagai 'Self Reward' di atas usaha para pelajar yang menghadiri Program Tuisyen sepanjang ia dijalankan setiap minggu.

Pada akhir program berkenaan diharapkan agar para pelajar akan dapat menjadi seorang yang berani dan mempunyai ciri kepimpinan, menjadi seorang yang proaktif dan kreatif, menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab, mempunyai sifat kerjasama dan tolong-menolong dan lebih percaya pada kebolehan diri sendiri.



**ANTARA aktiviti yang disusun dan dirancang bagi mengisi Rehlah Ilmiah bagi para pelajar Program Intervensi Pendidikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenaan.**